

**PENGGUNAAN BAHASA BUGIS DI KALANGAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BATU PUTEH, BATU
PAHAT, JOHOR**

NUR FARAH AFIQAH BINTI ABDUL KADIR

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penggunaan Bahasa Bugis Di Kalangan Komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor

oleh

Nur Farah Afiqah Binti Abdul Kadir

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

UNIVERSITI

MALAYSIA
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022

FTKW

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

farah
Tandatangan

980217016326

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 3 Mac 2022


Tandatangan Penyelia

Dr Ainul Wahida binti Radzuan

Nama Penyelia

Tarikh: 3 Mac 2022

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka saya telah dapat menyiapkan projek penyelidikan dengan jayanya. Insyallah hasil kajian ini akan memberikan banyak kebaikan dan manfaat kepada saya dari aspek pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan pada masa hadapan.

Saya Nur Farah Afiqah binti Abdul Kadir ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Ainul Wahida binti Radzuan kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan dalam memastikan saya dan rakan-rakan memperoleh hasil kajian projek penyelidikan yang cemerlang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada kedua ibu bapa saya iaitu ayahanda Encik Abd Kadir bin Muhammad dan bonda Rahama binti Dain yang turut banyak membantu dan memberi sokongan untuk menyiapkan kerja-kerja ini. Tanpa sokongan dan doa daripada mereka mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja seperti ini kerana untuk menyiapkan tugas ini memerlukan motivasi, usaha dan wang ringgit.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan saya iaitu Mastika Adilah, Iffah musfirah, Husnina dan Ain yang telah banyak membantu, memberi semangat serta cadangan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan tugas ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi kalian.

**PENGGUNAAN BAHASA BUGIS DI KALANGAN KOMUNITI BUGIS DI
KAMPUNG BATU PUTEH, BATU PAHAT, JOHOR**

ABSTRAK

Bahasa Bugis dianggap sebagai identiti dalam mewakili masyarakat Bugis di Johor. Masyarakat Bugis telah menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa perantara dalam kehidupan seharian mereka. Namun, bahasa Bugis perlahan-lahan hilang dalam kehidupan orang Bugis di Johor kerana keutamaan orang Bugis dalam mengamalkan bahasa Melayu baku untuk berkomunikasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kepupusan bahasa Bugis dalam kalangan masyarakat Bugis. Terdapat tiga objektif utama kajian ini: untuk mengenal pasti perbezaan leksikon antara bahasa Bugis dan bahasa pertuturan harian yang digunakan oleh masyarakat untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan penggunaan bahasa Bugis dalam masyarakat sekarang dan untuk menganalisis langkah-langkah dalam menjaga bahasa Bugis. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dengan menggunakan temu bual dan pemerhatian bukan peserta untuk mendapatkan data daripada kerja lapangan di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Sepuluh responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini, dan semua data dianalisis dengan analisis tematik. Kajian ini mendapati bahawa faktor yang menyebabkan kepupusan bahasa Bugis adalah disebabkan perbezaan jarak umur antara generasi muda dan tua yang menuturkan bahasa Bugis, peralihan bahasa daripada bahasa Bugis kepada bahasa Melayu moden, tingkah laku dan sikap kegemaran masyarakat sekarang. dalam bahasa yang dituturkan, dan masa berubah. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa agen sosialisasi, khususnya ibu bapa dan komuniti, memainkan peranan penting dalam menggalakkan generasi muda bertutur dalam bahasa ibunda mereka dan menjaga bahasa Bugis dalam masyarakat dengan berkongsi pengetahuan dan kesedaran di kalangan mereka. Oleh itu, kajian ini menerangkan secara kritis isu-isu yang dibincangkan dari pandangan yang berbeza dan menekankan kepentingan menjaga bahasa ibunda mereka untuk masa hadapan.

Kata Kunci: Kepupusan, penggunaan bahasa, Bahasa Bugis, Identiti, Pemeliharaan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

THE USE OF BUGIS LANGUAGE AMONG THE BUGIS COMMUNITY IN KAMPUNG BATU PUTEH, BATU PAHAT, JOHOR.

ABSTRACT

Bugis language is considered an identity in representing the Bugis community in Johor. The Bugis community has spoken their native language as a medium of communication in their daily life. However, the Bugis language has slowly disappeared in the life of Bugis in Johor due to the preference of the Bugis in adopting the standard Malay language to communicate. Hence, this study aims to examine the factors that led to the extinction of the Bugis language among the Bugis community. There are three main objectives of this study: to identify the lexicon differences between Bugis and daily spoken languages used by the community; to scrutinise the factors that have contributed to the decreasing usage of Bugis language in the present society and; to analyse measures in safeguarding Bugis language. This study adopted an ethnographic approach by using interviews and non-participant observations to obtain data from the fieldwork at Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Ten respondents have participated in the study, and all data were analysed by thematic analysis. This study found that factors that led to the extinction of Bugis language are due to different age gaps between the younger and older generation who spoken the Bugis language, language transition from Bugis language to the modern Malay language, behaviour and attitudes of the present society preference in the language spoken, and time changes. Besides that, this study also demonstrated that agents of socialisation, specifically parents and community, play an essential role in encouraging the younger generation to speak their native language and safeguarding the Bugis language in the community by sharing knowledge and awareness among them. Therefore, this study is critically explained the issues discussed from different views and emphasising the importance of safeguarding their native language for the future.

Keywords: Extinction, language use, Bugis Language, Identity, Preservation

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Demografi Responden
- Jadual 4.1 Golongan Umur Dan Bahasa Yang Digunakan Oleh Komuniti Di Kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKWW


SENARAI RAJAH

Rajah 3.1


Proses Menganalisis



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKQW

KANDUNGAN

HALAMAN

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi

BAB 1	PENDAHULUAN	HALAMAN
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 permasalahan Kajian	1
	1.2 Persoalan Kajian	3
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Skop Kajian	3
	1.5 Kepentingan Kajian	4
	1.6.1 Institusi Pendidikan	4
	1.6.2 Individu	5
	1.6.3 Masyarakat	5
	1.7 Struktur Projek Penyelidikan	6
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.0 Pengenalan	7
	2.1 Sejarah Kedatangan Etnik Bugis Ke Tanah Melayu	7
	2.2 Penghijrahan Etnik Bugis Di Johor	11
	2.2.1 Penempatan Masyarakat Etnik Bugis	12
	2.2.2 Faktor-Faktor Penghijrahan Masyarakat Etnik Bugis	13

2.2.3 Aktiviti Sosial Di Dalam Masyarakat Etnik Bugis	16
a) Perkahwinan	16
b) Agama	17
c) Moral	18
2.2.4 Ekonomi Di Dalam Masyarakat Etnik Bugis	18
2.3 Definisi Warisan Budaya	21
2.3.1 Definisi Warisan Budaya Ketara	21
2.3.2 Definisi Warisan Budaya Tidak Ketara	21
2.4 Penggunaan Bahasa Bugis Di Malaysia	22
2.4.1 Konsep dan Fungsi Bahasa	22
2.4.2 Konsep Bahasa Bugis	24
2.4.3 Sistem Tulisan Dan Bahasa Yang Digunakan Masyarakat Etnik Bugis	25
2.5 Teori Akomodasi Komunikasi Dalam Penggunaan Bahasa Bugis Di Johor	276
2.6 Penutup	28
BAB 3	
METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	30
3.1 Pendekatan kajian	30
3.2 Reka Bentuk Kajian: Kaedah Etnografi	31
3.3 Teknik Pengumpulan Data	32
3.3.1 Data Primer	32
3.4.2 Data Sekunder	34
3.4 Alat Bantuan Kajian	35

3.4.1 Perakam Audio	35
3.4.2 Nota Lapangan	35
3.5 Pensampelan Kajian	36
3.5.1 Pensampelan Bertujuan Dan Pensampelan Bebola Salji	36
3.6 Kaedah Analisis Data	39
3.6.1 Analisis Tematik	39
i. Transkripsi	41
ii. Pengekodaan	41
iii. Menyusun Tema	42
iv. Laporan	43
v. Triangulasi	43
3.7 Kesimpulan	44
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	45
4.1 Penggunaan Bahasa Bugis Dalam Pelbagai peringkat Umur	45
4.2 Perbezaan Leksikon Antara Bahasa Bugis Dan Bahasa Pertuturan harian Yang Digunakan Oleh Masyarakat.	48
4.1.1 Perbezaan Kosa kata Dengan Bahasa Harian	50
4.1.2 Petukaran Kod Bahasa	51
4.3 Faktor Yang Menyumbang Kepada Penurunan Penggunaan Bahasa Bugis Dalam Masyarakat Sekarang	54
4.3.1 Jarak Umur	55
4.3.2 Perkahwinan Campur	56
4.3.3 Peralihan Bahasa Dalam Kehidupan Masyarakat	57

4.3.4 Perilaku Masyarakat Terhadap Bahasa	61
4.3.5 Perkembangan Teknologi	61
4.4 Kesan Kepupusan Bahasa Bugis Kepada Masyarakat	62
4.5 Kepentingan Pengekalan Bahasa Bugis	64
4.6 Langkah-Langkah Dalam Menjaga Bahasa Bugis	65
4.6.1 Peranan Mengekalkan Budaya Bahasa Bugis	66
a) Peranan Ibu Bapa	66
b) Peranan Masyarakat	68
4.6.2 Kesedaran Masyarakat Etnik Bugis	69
4.6.3 Memartabatkan Penggunaan Bahasa Bugis	70
4.7 Kesimpulan	71
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	73
5.1 Perbincangan	73
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	75
5.3 Cadangan	77
Glosari	79
Rujukan	82



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak kumpulan etnik, budaya, bahasa dan adat resam. Kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia telah menjadikan Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum. Pada awalnya kebanyakan etnik hanya berhijrah ke Malaysia demi mencari sesuap nasi untuk ahli keluarga tetapi mereka mula menjadi penduduk tetap di Malaysia. Etnik Bugis adalah antara salah satu etnik kecil yang ada di Malaysia. Pada masa kini etnik Bugis telah mengalami percampuran identiti dengan penduduk tempatan dengan mengamalkan perkahwinan campur (Salleh, 2005). Sebagai contoh, etnik Bugis berkahwin dengan etnik Jawa maka dengan ini berlakulah percampuran etnik dalam sesebuah keluarga. Secara tidak langsung bahasa asli mereka akan mengalami perubahan. Bahasa merupakan alat berkomunikasi untuk berinteraksi dalam lingkungan sosial (Omar, 2009). Namun kemajuan yang berlaku pada masa kini menyebabkan bahasa daripada pelbagai etnik ini kian pupus kerana tidak digunakan dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Mereka jarang menggunakan bahasa ibunda mereka kerana sudah terbiasa dengan persekitaran yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa percakapan harian (Chong, 2015).

1.1 Permasalahan Kajian

Bahasa Bugis merupakan salah satu bahasa suku kaum yang masih ada di negeri Johor. Bahasa Bugis masih wujud di beberapa kawasan di daerah Johor. Namun begitu disebabkan komuniti masa kini mengamalkan pertuturan dalam bahasa Melayu sebagai

bahasa komunikasi harian menyebabkan bahasa-bahasa unik seperti ini mengalami kepupusan malah generasi muda juga tidak mengenali bahasa Bugis. Menurut Fishman di dalam Clyne (2003), peralihan bahasa telah berlaku dalam kalangan komuniti di mana pada asalnya menggunakan bahasa sendiri tetapi telah beralih kepada bahasa ibunda yang lebih dominan dan berprestij. Hal ini kerana, peralihan bahasa sememangnya akan berlaku dimana-mana sahaja dan istilah yang lebih sesuai adalah kehilangan atau kepupusan bahasa. Kepupusan bahasa akan berlaku dengan bermulanya peralihan bahasa dari satu bahasa ke satu bahasa sehingga mengakibatkan bahasa asal mereka tidak lagi digunakan.

Pemodenan masa kini telah menyebabkan bahasa Bugis semakin hilang ditelan peredaran zaman. Ini kerana kerana apabila sesebuah bahasa tidak dijadikan sebagai budaya dalam harian maka akan malu untuk menggunakannya kerana mereka berpendapat pada masa kini komuniti tidak lagi kesah dengan identiti keturunan mereka yang bakal hilang. Bukan sahaja golongan muda tetapi golongan yang berusia juga tidak lagi menggunakan bahasa etnik mereka sedangkan bahasa asli menjadi identiti bagi mereka. Mereka seperti sudah tidak berminat dan tidak menarik untuk menggunakan bahasa etnik dari keturunan mereka sendiri. Kumpulan etnik Melayu seperti Boyan, Bugis, Aceh dan Jawa diletakkan dalam satu kategori iaitu Melayu (Madzlan, 2020). Keadaan ini membuatkan mereka merasa selesa dengan kelompok ini lantas tidak mempeduli sekiranya identiti mereka hilang begitu saja. Dalam masa yang dikhuatiri generasi baharu akan kehilangan identiti, bahasa, budaya dan jati diri dimana ia mewakili keturunan nenek moyang mereka sendiri. Ia sangat berbeza apabila melihat kaum lain seperti kaum India, mereka berbangga dengan identiti asal keturunan mereka iaitu Tamil, Telugu, Punjabi dan Malayali yang tercatat dalam sijil kelahiran mereka manakala orang Melayu seperti terpaksa membuang identiti budaya keturunan masing-masing (Madzlan,

2020). Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor kepupusan penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor.

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan dalam kajian ini iaitu:

- i. Apakah perbezaan kosa kata antara bahasa Bugis dengan bahasa harian yang digunakan oleh komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor?
- ii. Apakah faktor yang menyebabkan bahasa etnik Bugis kurang digunakan dalam kalangan masyarakat masa kini.
- iii. Apakah langkah-langkah untuk mengekalkan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam menjalankan kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti perbezaan leksikon antara bahasa Bugis dan bahasa pertuturan harian yang digunakan oleh masyarakat.
- ii. Meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan penggunaan bahasa Bugis dalam masyarakat sekarang
- iii. Menganalisis langkah-langkah dalam menjaga bahasa Bugis.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kepupusan budaya penggunaan bahasa etnik Bugis dalam sebuah komuniti setempat. Kajian ini berfokus kepada komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Komuniti dalam kampung ini terdiri daripada pelbagai etnik seperti etnik Bugis dan etnik Jawa dan beragama Islam. Kajian ini memfokuskan kepada

komuniti yang berumur antara 18 tahun hingga 70 tahun terdiri daripada golongan muda dan golongan tua. Pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. pengkaji juga menggunakan analisis tematik bagi menjalankan kajian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi satu gambaran kepada umum tentang kewujudan bahasa-bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia. Terutamanya bahasa Bugis yang dituturkan oleh masyarakat Bugis yang menetap di Malaysia. Pada masa kini masyarakat lebih tertumpu untuk berlumba-lumba menguasai bahasa yang dominan dan bahasa bertaraf antarabangsa berbanding bahasa-bahasa minoriti yang ada di Malaysia. Hal ini menyebabkan bahasa-bahasa minoriti yang ada di Malaysia dilupakan begitu sahaja tanpa ada yang mempertahankan daripada dilupakan. Hasil kajian ini juga akan memberikan kesedaran kepada masyarakat akan penting untuk mengekalkan bahasa-bahasa minoriti yang ada agar tidak dilupakan.

a) Institusi Pendidikan

Pengkaji melaksanakan kajian berkaitan penggunaan bahasa Bugis adalah untuk memudahkan pengkaji-pengkaji akan datang menggunakan sebagai kajian lepas untuk kajian mereka. Pihak sekolah, pihak universiti boleh meletakkan hasil kajian ini di perpustakaan untuk dijadikan bahan menambah pengetahuan kepada pelajar-pelajar.

b) Individu

Kepentingan kajian ini kepada individu ialah pengkaji dapat menambah pengetahuan berkaitan bahasa Bugis. Hal ini kerana, bahasa Bugis merupakan bahasa yang telah dilupakan oleh masyarakat masa kini. Mereka yang berdarah Bugis juga sudah kurang menjadikan bahasa Bugis sebagai bahasa harian mereka. Individu juga boleh menggunakan pengkajian ini untuk mereka jadikan sebagai sokongan yang menguatkan lagi kajian mereka lakukan. Selain itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi kesedaran kepada diri sendiri pentingnya memastikan bahasa terjaga kerana bahasa juga merupakan warisan tidak ketara yang patut dilindungi.

b) Masyarakat

Menyedarkan masyarakat tentang pentingnya untuk mengekalkan bahasa-bahasa minoriti seperti bahasa Bugis yang ada di Malaysia. Hal ini kerana, Masyarakat kini sangat kurang pengetahuan terhadap kewujudan kepelbagaian bahasa daripada pelbagai etnik. Dengan adanya kajian berkaitan penggunaan bahasa etnik Bugis maka masyarakat akan mengetahui bahawa di kawasan mereka juga sebenarnya mempunyai masyarakat daripada pelbagai etnik. Dalam masa yang sama kajian ini dijalankan bukan tertumpu bagi sesebuah kelompok masyarakat dalam negeri Johor sahaja tetapi memfokuskan untuk memberi pendedahan kepada semua masyarakat dalam Malaysia. Semua golongan usia boleh membaca berkaitan tajuk yang dijalankan oleh pengkaji. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk memperkenalkan kepada masyarakat bahawa masih ada lagi etnik-etnik Bugis di Malaysia. Oleh itu masyarakat boleh mengetahui lebih mendalam tentang kewujudan etnik Bugis dan bahasa ibunda mereka.

1.5 Struktur Projek Penyelidikan

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab yang terdiri daripada bab dua sehingga bab lima. Pada bahagian bab dua iaitu kajian literatur membincangkan secara ringkas tentang sejarah kedatangan Bugis, penghijrahan Etnik Bugis, penempatan etnik Bugis, Aktiviti sosial dalam masyarakat Bugis, Konsep Bahasa dan Fungsi Bahasa. Seterusnya bab tiga adalah metodologi kajian yang membincangkan tentang kaedah yang digunakan semasa mendapatkan maklumat data di lokasi kajian iaitu Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor. Pendekatan kualitatif dan analisis data tematik digunakan untuk menjalankan kajian ini. seterusnya bab empat membincangkan tentang hasil dapatan yang diperolehi selepas mengumpulkan data untuk menjawab persoalan objektif kajian pada bab satu. Akhir sekali adalah bab lima yang menjelaskan tentang kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua menjelaskan tentang kajian-kajian lepas berkaitan penggunaan bahasa komuniti Bugis. Pada bahagian pertama menerangkan tentang sejarah kedatangan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu, penghijrahan masyarakat etnik Bugis ke Johor dan faktor-faktor penghijrahan. Sehingga kini dapat dilihat impak kedatangan etnik Bugis ke Tanah Melayu telah mempengaruhi adat dan budaya penduduk tetap. Pada bahagian yang seterusnya menerangkan tentang warisan budaya iaitu definisi warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Bahagian seterusnya adalah untuk mengenal pasti berkaitan bahasa Bugis yang telah meluas ke seluruh Tanah Melayu. Akhir sekali, pengkaji menggunakan teori akomodasi komunikasi untuk mengulas lebih mendalam berdasarkan tajuk yang telah dipilih iaitu kepupusan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor.

2.1 Sejarah Kedatangan Etnik Bugis Ke Tanah Melayu

Etnik Bugis merupakan etnik bangsa Indonesia yang menetap di Sulawesi Selatan. Kemunculan Belanda ketika abad ke-17 telah menyebabkan etnik Bugis berpindah secara besar-besaran ke kawasan lain seperti Kalimantan, Jawa, Maluku, Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak (Harun, 2013). Pada abad ke-17 juga etnik Bugis telah mendapat pemukiman “orang Bugis” di Semenanjung Tanah Melayu (Omar, 2009).

Etnik Bugis dikenali dengan sifat mereka yang sangat suka berdagang dan merantau ke kawasan lain untuk mencari petempatan baru. Selain itu, etnik Bugis sangat terkenal

dengan kemahiran mereka dalam bidang maritim dan bidang perdagangan. Antara barang dagangan etnik Bugis ialah rempah ratus dan kemenyan. Etnik Bugis berdagang dan berlayar ke merata tempat. Etnik Bugis juga dikenali pahlawan dan lanun yang disegani (Harun, 2013). Kegiatan mereka yang suka merantau telah berjaya mewujudkan hubungan sejarah, kebudayaan dan pertalian darah yang sangat rapat antara etnik Bugis dengan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu (Tamrin, 2003). Takko (2020) mengatakan bahawa etnik Bugis telah nekad meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke kawasan lain dan mengembangkan kebudayaan mereka di kawasan-kawasan yang disinggahi.

Penghijrahan sesebuah suku kaum ke kawasan baru telah memberi kesan kepada kelompok masyarakat asal kawasan itu. Kesan tersebut seperti mewujudkan budaya dan adat yang diamalkan oleh pendatang kepada penduduk tetap. Etnik Bugis adalah salah satu etnik yang sangat mementingkan kebudayaan dan adat istiadat di Malaysia. Disebabkan etnik Bugis sangat mementingkan budaya maka wujud nilai-nilai gender (jantina) dalam etnik Bugis yang menjadi amalan mereka (Nurohim, 2018). Etnik Bugis pada zaman dahulu mempercayai dalam budaya mereka ada lima sistem gender yang memainkan peranan berbeza pada setiap gender iaitu makkunrai (perempuan), oroane (lelaki), calalai (perempuan berperwatakan lelaki), calabai (lelaki berperwatakan perempuan) dan bissu (ada dua jantina dalam badan). Bagi etnik Bugis identiti mereka dikenali melalui gender setiap manusia. Mereka juga memegang kepercayaan bahawa setiap gender ditentukan melalui sifat, perwatakan dan tanggungjawab orang tersebut. (Nurohim, 2018). Hal ini tidak menjadi satu isu kepada etnik Bugis yang belum memasuki Islam tetapi mereka yang telah memeluk agama Islam mula meninggalkan kepercayaan dalam gender.

Amalan merantau etnik Bugis didorong oleh beberapa faktor yang menyebabkan mereka memilih untuk merantau ke penempatan yang lain. Tujuan utama etnik Bugis merantau ke negara orang adalah untuk kegiatan ekonomi iaitu berdagang (Takko, 2020). Jamalie (2017) menjelaskan bahawa etnik Bugis berjaya mengembangkan kegiatan perdagangan, pelayaran, pertanian dan perkebunan di kawasan yang mereka berhijrah. Perantau-perantau Bugis nekad untuk merantau beramai-ramai ke penempatan baru kerana tidak tahan dengan keadaan di negeri sendiri yang sentiasa menghadapi pelbagai masalah seperti ekonomi, keadaan politik yang tidak stabil dan kekurangan tanah untuk bercucuk tanam. Kedua, mereka ingin mengubah kehidupan mereka di negeri rantau supaya dapat mengubah menjadi kehidupan yang lebih baik (Omar 2009). Abidin (2012) juga mengatakan penghijrahan etnik Bugis sebenarnya berbeza dari tujuan asal. Tujuan merantau dari dahulu lagi kerana hendak mengubah kehidupan kecuali pada abad ke-10 dan ke-15. Pada ketika ini berlakunya perebutan kuasa dan permusuhan sesama mereka. Bagi etnik Bugis amalan merantau telah menjadi sebahagian budaya dalam kalangan etnik mereka. Telah menjadi adat pemuda-pemuda dalam etnik Bugis digalakkan untuk merantau mencari sumber pendapatan (Takko, 2020).

Andi (2017) menjelaskan di kawasan wilayah pesisir pantai di pelosok Nusantara hampir keseluruhan penduduk adalah dari etnik Bugis. Keberadaan mereka di wilayah tersebut adalah sebagai perantau. Pada ketika itu, etnik Bugis terkenal dengan sifat mereka yang mudah bercampur dengan penduduk asli. Cara etnik Bugis mewujudkan keserasian dengan penduduk tetap di kawasan yang mereka pergi (Jamalie, 2017) ialah :

1. Pertama, etnik Bugis menggunakan cara "*cappa lila*" iaitu ujung lidah atau kemampuan dalam melakukan diplomasi. Suwardi (1970) berpendapat diplomasi adalah proses mewujudkan perhubungan antara dua negara yang mempunyai nilai bergantung dengan kemampuan dan kecekapan.

2. Kedua, etnik Bugis akan menggunakan cara “*cappa lasso*” iaitu ujung kemaluan. Etnik Bugis akan mewujudkan keserasian dengan penduduk asli dengan cara melakukan proses perkahwinan campur antara etnik Bugis dengan penduduk tetap.

3. Ketiga, etnik Bugis menggunakan cara “*kawali*” iaitu ujung badik. Sekiranya keserasian tidak dapat diwujudkan orang Bugis akan melakukan peperangan dengan penduduk tetap.

Etnik Bugis memiliki jiwa petualang yang membawa maksud suka melakukan aktiviti perantauan keseluruhan kawasan. Dalam perjalanan sejarah manusia sejak dahulu lagi, penghijrahan atau perpindahan tempat tinggal dari satu kawasan ke satu kawasan sering berlaku. Penghijrahan ke luar daerah Sulawesi Selatan pada ketika ini hanya terbatas bagi etnik Bugis yang terlibat dengan aktiviti perdagangan sahaja (Jamalie, 2017). Penghijrahan etnik Bugis terbahagi kepada dua tahap. Tahap pertama berlaku penghijrahan sekitar pertengahan abad ke-16 akibat daripada tekanan jajahan daripada orang Belanda (Dani, 2006). Orang Belanda marah kerana perdagangan rempah di Maluku yang dikuasainya telah musnah kerana etnik Bugis lebih bijak dalam perdagangan. Disebabkan jajahan itu etnik Bugis telah kehilangan punca pendapatan sehingga etnik Bugis mengambil keputusan untuk meninggalkan tanah asal mereka untuk berhijrah ke Tanah Melayu iaitu Johor dan Selangor (Dani, 2006). Tahap yang kedua berlaku sekitar tahun lima puluhan kerana tekanan ekonomi ketika itu. Ditambah dengan keadaan Sulawesi yang sedang mengalami masalah sosial yang teruk dan kemiskinan juga telah menyebabkan masyarakat Bugis terpaksa keluar dari tanah asal mereka untuk mencari nafkah di kawasan yang lebih selamat (Dani, 2006). Oleh itu, terjadilah penghijrahan masyarakat etnik Bugis ke Tanah Melayu.

2.2 Penghijrahan Etnik Bugis Ke Negeri Johor

Penghijrahan etnik Bugis ke Johor bukan sesuatu perkara yang mengejutkan kerana etnik Bugis telah berlayar untuk berdagang dan mengembara ke kawasan lain. Aktiviti ini telah menjadi satu amalan yang kekal dalam kehidupan etnik Bugis. Etnik Bugis juga telah dikenali dalam aktiviti pelayaran (Omar, 2009). Kemunculan etnik Bugis ke Tanah Melayu telah menjadikan beberapa kawasan di Johor menjadi kawasan tumpuan bagi mereka. Hal ini berpunca daripada faktor penempatan asal mereka telah mengalami kekurangan sumber makanan dan mempunyai ramai penduduk yang mendorong etnik Bugis berhijrah ke beberapa kawasan di Asia Tenggara (Rahilah, 2009). Etnik Bugis memilih berhijrah ke Johor kerana ketika itu Johor terkenal dengan kemajuan pusat perdagangan dan pelabuhan di Asia Tenggara. Kejayaan kerajaan Johor dalam memajukan negerinya kerana mempunyai pemimpin yang bijaksana dalam memerintah. Kedudukan Johor dalam geografi yang sangat strategik kerana Selatan Semenanjung terletak berdekatan dengan pusat entrepot Singapura (Kamarulzaman, 2019). Johor juga dikenali sebagai negeri yang mempunyai tanah subur dan hasil hutan yang banyak. Etnik Bugis telah mengetahui Johor mempunyai kesuburan tanah sehingga menjadikan kegiatan pertanian yang sebelum ini hanya tanaman sebagai sumber mendapatkan makanan harian bertukar menjadi pertanian dagang. Dasar keterbukaan kepada etnik luar dilaksanakan untuk menarik perhatian etnik luar supaya mengadakan aktiviti perdagangan di Johor (Zaman, 2019).

Sejarah kerajaan Johor dapat dilihat melalui kisah sejarah kerajaan Melayu Melaka yang menerima serangan Portugis pada abad ke-15 menyebabkan pemerintah Kerajaan Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah melarikan diri ke Bentan. Pada abad ke-15 Sultan Alauddin Riayat Syah menubuhkan kerajaan Johor akibat daripada serangan yang dilakukan oleh Portugis (Zaman, 2019). Penubuhan kerajaan Johor telah menarik

perhatian orang luar untuk mengembangkan kekayaan dan menambah pendapatan keluarga. Oleh itu, Johor telah menjadi sebuah kerajaan yang maju dengan pusat perdagangan dan pelabuhan yang terkenal di Asia. Dalam masa yang sama, kerajaan Johor telah mengamalkan dasar keterbukaan kepada suku kaum luar sehingga menyebabkan telah menarik minat pedagang-pedagang luar untuk menjalankan perniagaan mereka di Johor. Etnik Bugis telah melakukan penghijrahan ke Johor dengan tujuan untuk mencampuri dan menguasai pemerintahan di Johor. Etnik Bugis menjadikan perkahwinan sebagai medium utama untuk mereka menjayakan perancangan mereka (Zaman, 2019).

2.2.1 Penempatan Masyarakat Etnik Bugis

Etnik Bugis telah berkembang dan berjaya membentuk satu kumpulan kecil sub-etnik Melayu di Singapura. Secara tidak langsung telah menjadikan etnik Bugis sebagai sebahagian daripada sejarah Singapura yang kaya dengan khazanah sendiri. Pada masa kini segala objek dan peralatan yang digunakan oleh etnik Bugis dahulu telah menjadi bukti nyata dan menjadi kebanggaan masyarakat mereka. Setiap barangan yang ditinggalkan mempunyai cerita serta kenangan berkaitan sewaktu menjadi pedagang-pedagang terawal yang berlayar (Ahmad, 2017). Kewujudan etnik Bugis ke Malaysia telah memberikan impak yang besar terhadap kemajuan Malaysia dari aspek ekonomi. Etnik Bugis memilih kawasan pedalaman dan perkampungan untuk dijadikan sebagai penempatan mereka. Sehingga berlaku penghijrahan secara besar sehingga menyebabkan Malaysia menjadi negara yang mempunyai ramai etnik Bugis.

2.2.2 Faktor-Faktor Penghijrahan Masyarakat Etnik Bugis

Penghijrahan etnik Bugis ke Johor atau ke Semenanjung Tanah Melayu adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang mendorong mereka untuk menjadikan kawasan di Johor sebagai kawasan tumpuan perantauan mereka. Ada beberapa faktor yang mendorong masyarakat Bugis berlayar ke Asia Tenggara. Pertama, etnik Bugis berlayar dan berhijrah disebabkan keadaan politik yang tidak stabil di tanah asal mereka (Omar, 2009). Wilayah yang mereka duduki telah lama mengalami masalah perebutan kuasa dengan keadaan kacau bilau sebelum kedatangan Belanda lagi. Terutamanya pergaduhan saudara di antara mereka yang merebutkan hak untuk mewarisi kerajaan dan pemerintahan. Mereka merasakan tidak ada keamanan di tanah sendiri menyebabkan kegiatan ekonomi juga tidak dapat dijalankan. Disebabkan pergolakan ini, ia membawa kepada kejadian pertumpahan darah, peperangan antara daerah dan saudara (Omar, 2009). Pada tahun 1906, Belanda telah menakluki kawasan pedalaman tanah Bugis. Ketika ini Belanda telah meletakkan nilai mata wang Belanda menjadi wang yang sah digunakan di seluruh Sulawesi Selatan. Belanda telah melaksanakan sistem cukai dan menguatkuasakan sistem kerja paksa kepada penduduk Bugis. Sistem kerja paksa atau rodi adalah pekerjaan yang berat seakan menjadi kuli sehingga membuatkan etnik Bugis berada jauh dari rumah (Rusdi, 2011). Etnik Bugis sangat merasa terbeban dengan sistem cukai yang dilaksanakan. etnik Bugis juga menganggap sistem kerja paksa adalah sebagai satu penghinaan kepada mereka kerana ia hanya tertumpu kepada golongan rendah sahaja manakala mereka yang daripada golongan tinggi terkecuali daripada sistem kerja paksa (Rusdi, 2011). Keadaan seperti ini telah mendorong penduduk etnik Bugis untuk memberontak kerana sejak dahulu lagi mereka tidak pernah terima sekiranya tempat asal mereka dijajah terutamanya oleh bangsa sendiri. Oleh itu, faktor seperti ini telah mendorong sesetengah etnik Bugis untuk keluar dari kampung dan pergi berhijrah ke Tanah Melayu.

Keadaan politik tidak stabil juga disebabkan berlakunya perang Makassar di Sulawesi Selatan (Rusdi, 2011). Perang Makassar telah memberi kesan kepada perkembangan ekonomi di Sulawesi Selatan. Pembahagian kuasa yang berlaku telah menyebabkan ramai penduduk tidak berpuas hati dan mereka melakukan pemberontakan tetapi tidak berjaya. Akibat daripada kegagalan pemberontakan, telah berlaku penghijrahan secara besar besaran oleh penduduk etnik Bugis. Dalam masa yang sama keruntuhan kerajaan juga menyebabkan penambahan jumlah penghijrahan dalam kalangan etnik Bugis di Sulawesi Selatan (Omar, 2009). Faktor yang seterusnya menyebabkan etnik Bugis nekad untuk pergi merantau adalah kekurangan tanah dan sumber makanan. Pada mulanya kekurangan tanah dan sumber makanan bukan faktor sebenar tetapi kerana penghasilan padi mengalami masalah akibat sistem pengairan yang terbatas telah menyebabkan etnik Bugis keluar berhijrah untuk mencari sumber makanan (Omar, 2009). Walaupun Sulawesi merupakan kawasan tadahan air hujan tetapi ia tidak mampu untuk menampung penghasilan padi yang banyak. Hasil padi ketika itu sangat bergantung kepada turunnya air hujan.

Faktor yang seterusnya mendorong etnik Bugis berhijrah ke penempatan luar kerana sifat semulajadi mereka yang suka mengembara dan merantau (Rusdi, 2011). Sejak dahulu lagi etnik Bugis telah terkenal sebagai seorang yang mempunyai jiwa perantau dalam diri. Sifat seperti ini telah diceritakan dalam karya agung sastera Bugis yang bertajuk “La Galigo” iaitu dalam bentuk puisi. Dalam karya tersebut juga ada menceritakan pengembaraan tokoh mitos Bugis yang kenali dengan nama Sawerigading yang mengelilingi lautan dengan menggunakan perahunya iaitu “*Wakka tana Walinonoe*” (Rusdi, 2011). Oleh itu, menjadikan etnik Bugis semakin memainkan peranan yang penting dalam perdagangan maritim dan mereka mempunyai istilah sendiri yang dikenal sebagai “*ma’sompe*” yang bermaksud “berlayar”.

Selain itu, faktor lain yang menjadi pendorong kepada etnik Bugis untuk berhijrah ke penempatan lain adalah faktor tarikan dari tanah melayu itu sendiri. Terutama di Johor, pemerintah di Johor telah menggalakkan kedatangan perantau-perantau luar dengan memberi peluang kepada sesiapa yang hendak membuka tanah atas tujuan untuk kemajuan kerajaan Johor (Rusdi, 2011). Dalam masa yang sama etnik Bugis telah mendengar cerita-cerita tentang kehidupan di Tanah Melayu lebih baik berbanding di tanah sendiri. Mereka mendengar cerita-cerita ini daripada orang-orang Bugis yang telah berlayar dalam pengangkutan kuli Jawa ke Tanah Melayu. Mereka yang menyampaikan maklumat kepada penduduk etnik Bugis di Sulawesi Selatan tentang kesuburan Tanah Melayu terutama di Johor (Rusdi, 2011). Perantau-perantau Bugis pernah mengungkapkan kata-kata “di sana susah, di sini senang, di sana kerja lebih susah, di sini untung lebih banyak, di sana tidak ada peluang untuk menambah harta, di sini kita boleh menjadi kaya” (Omar,2009).

Faktor terakhir yang mendorong etnik Bugis untuk berhijrah ke kawasan luar meninggalkan tanah asal mereka kerana “*siri*” yang ada dalam diri masyarakat mereka (Omar,2009). Definisi “*siri*” ialah nilai, harga diri, martabat atau jiwa bagi mereka yang orang lelaki. (Rusdi, 2011). “*Siri*” adalah satu pegangan yang sangat penting bagi etnik Bugis kerana ia melambangkan jati maruah diri seseorang lelaki. Oleh itu, setiap etnik Bugis perlu ada “*siri*” dalam diri masing-masing untuk meneruskan kehidupan menjadi manusia yang dipandang mulia dan baik pada setiap manusia (Omar, 2009). “*Siri*’ amat penting untuk etnik Bugis kerana ia merupakan semangat keberanian seorang lelaki. Orang lelaki sebagai ketua keluarga bertanggungjawab untuk memastikan masa depan keluarganya terjamin. “*Siri*” mempunyai ungkapan istilah lain iaitu “*siri masiri*” yang bermaksud seorang lelaki yang telah melakukan kesalahan sehingga mengaibkan dirinya (Omar,2009). Ada cara untuk memulihkan “*siri*” terhadap orang lelaki yang telah

melakukan kesalahan (*siri masiri*) iaitu dengan bekerja keras untuk mengubah dirinya menjadi yang lebih baik tanpa mudah menyerah kalah (Omar, 2009). Penghijrahan yang dilakukan oleh etnik Bugis adalah untuk memperbaiki kehidupan dan dapat meningkatkan identiti sosial mereka. Bagi memastikan "*siri*" di mata masyarakat terjaga, mereka melakukan pengorbanan terbesar dengan meninggalkan segala yang dicintai iaitu anak isteri dan kampung halaman mereka.

2.2.3 Sosial Di Dalam Masyarakat Etnik Bugis

Perkembangan sesebuah negara bergantung kepada aktiviti sosial yang diamalkan oleh masyarakat Bugis. Aktiviti sosialiti masyarakat setempat perlu ditekankan bagi memastikan tiada masalah berlaku pada masa akan datang. Sosialiti dalam masyarakat Bugis terbahagi kepada tiga bahagian iaitu perkahwinan, agama dan moral.

a) Perkahwinan

Menjadi perantau yang telah diterima di tanah rantau sekaligus perlu mempelajari budaya hidup masyarakat tetap. Dalam kekuasaan Bugis mereka membawa budaya dan adat istiadat dan mereka saling mempengaruhi penduduk tetap dia tanah rantau (Saepudin,2020). Jikalau dahulu seorang perantau dianggap sebagai pendatang tetapi sekarang sesiapa yang merantau telah dinaikkan kelas menjadi orang tetap setelah mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan. Antara kebudayaan yang paling kelihatan ialah berlakunya perkahwinan campur antara bangsawan Bugis dengan Melayu. Pada awalnya masyarakat Bugis mengamalkan perkahwinan sesama saudara untuk mengekalkan identiti sebagai etnik Bugis (Jamalie, 2017). Selepas menetap di Tanah Melayu, etnik Bugis mula mengamalkan perkahwinan campur antara para pembesar dengan etnik Bugis

dan Melayu. Peristiwa terjadinya perkahwinan para pembesar Bugis dengan Melayu semasa peperangan Bugis melawan Raja Kecil. Perkahwinan yang telah berlangsung adalah daripada kalangan saudara mara sahaja. Manakala perkahwinan antara etnik Bugis dengan Melayu telah membuatkan posisi Bugis sebagai orang Melayu semakin kuat melalui ikatan pernikahan. Perkahwinan campur telah menghilangkan darah keturunan Bugis yang dianggap sebagai identiti.

b) Agama

Etnik Bugis mula memeluk agama Islam selepas berhijrah ke Tanah Melayu. Selepas menetap beberapa tahun di Tanah Melayu etnik Bugis mulai berminat kepada ilmu agama dan ingin mengetahui lebih mendalam tentang agama Islam (Saepudin, 2020). Ketika ini Islam telah mempengaruhi tradisi Bugis menyesuaikan ajaran agama Islam dengan pemahaman masyarakat etnik Bugis. Beberapa tradisi baru berlandaskan agama Islam mulai diamalkan oleh etnik Bugis yang menetap di Tanah Melayu. Saepudin (2020) menjelaskan antara tradisi yang diamalkan ialah :

1. Masyarakat etnik Bugis mulai mengamalkan mandi safar kerana dipercayai untuk menolak bala dan mempersucikan diri. Mandi safar ialah mandi yang dilakukan dalam bulan safar sahaja kerana orang dahulu dipercayai mandi ini boleh mengelakkan diri dan keluar daripada perkara buruk dan untuk memohon rezeki.
2. Masyarakat etnik Bugis mengamalkan tradisi maulid nabi iaitu mengingati hari kelahiran Rasulullah.
3. Masyarakat etnik Bugis mengamalkan tradisi malam tujuh likur dalam bulan Ramadhan. Tradisi ini dilakukan bersama dengan orang kampung diiringi dengan pemasangan pelita di rumah masing-masing dan dilakukan dalam bentuk doa selamat.

Kesemua tradisi dan adat istiadat yang telah dinyatakan diatas sudah tidak ada perbezaan yang mana salah satunya tradisi masyarakat Bugis mahupun Melayu. Setiap tradisi yang dilakukan telah seiring dengan pemahaman dan mengikut nilai-nilai agama Islam.

c) Moral

Masyarakat etnik Bugis terkenal dengan sifat mementingkan moral sebagai pedoman dalam melakukan sesuatu. Dalam bahasa Bugis moral disebut sebagai “*ade*” iaitu adat istiadat. Kehidupan masyarakat etnik Bugis sangat mementingkan perilaku yang baik dan bercakap dengan jujur. Dalam arti kata lain, adat masyarakat etnik Bugis menitikberatkan nilai kejujuran, keteguhan, kecendekian dan usaha serta “*siri*” iaitu harga diri (Takko, 2020). Pertama, masyarakat etnik Bugis sangat mementingkan sikap orang-orang yang mempunyai kejujuran dalam diri. Kejujuran dalam bahasa Bugis disebut sebagai “*lempu*”. Menurut seorang cendekiawan Luwu iaitu Tociung merupakan seorang cendekiawan Luwu menyatakan bahawa ada empat perbuatan jujur yang perlu diterap dalam diri iaitu memberi kemaafan kepada orang yang telah melakukan kesalahan, boleh dipercayai dan amanah apabila dipertanggungjawab menguruskan sesuatu, tidak mengambil hak yang bukan miliknya dan melakukan sesuatu bukan untuk dipandang baik oleh semua orang tetapi melakukan sesuatu adalah dengan keikhlasan (Takko, 2020). Kedua ialah cendekiawan yang bermaksud mencintai perilaku dan perkataan jujur. Dalam bahasa Bugis, Kecendekiawanan disebut sebagai “*acca*” atau “*Nawa*” (A.B Takko, 2020). Masyarakat etnik Bugis sangat menjaga adat dengan menjadi orang yang sentiasa memikirkan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi.

Seterusnya yang ketiga, ialah keteguhan yang bermaksud seseorang yang memiliki sifat hati yang kuat dan tetap tidak mudah berubah-ubah dan setia. Tociung

menyatakan ada empat perkara yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk menjadi manusia yang teguh iaitu jika telah berjanji maka tidak melanggar janji, tidak takut untuk menegakkan kebenaran, berpendirian tetap semasa membuat keputusan dan aktif bercakap semasa melakukan aktiviti sehingga selesai (Takko, 2020). Keempat ialah usaha. Dalam masyarakat etnik Bugis mereka sangat membenci orang bermalasan sepanjang hari tidak melakukan apa-apa pekerjaan. Bagi mereka membuang masa tidak akan mendatangkan hasil. Disebabkan masyarakat etnik Bugis mementingkan supaya orang-orang mereka rajin berusaha untuk mengubah kehidupan menjadi lebih baik. Dan yang kelima ialah “*siri*” yang bermaksud harga diri dan martabat seorang individu sebagai anggota masyarakat (Rusdi, 2011). Sejak dahulu lagi Masyarakat Bugis dikenali sebagai manusia yang mempunyai sifat “*siri*” dalam diri. Dalam kefahaman budaya Bugis, mereka yang tiada harkat “*siri*” dalam diri maka ia tidak akan dipandang oleh manusia tetapi dipandang seperti binatang yang berupa manusia. Seperti dalam ungkapan bahasa Bugis iaitu “*Naiya tau de’ sirikna De’lainna olokoloe*” bermaksud manusia yang tidak ada “*siri*” dalam diri sama seperti seekor binatang (Takko, 2020).

2.2.4 Ekonomi Di Dalam Masyarakat Etnik Bugis

Masyarakat Bugis terkenal dengan sifat mereka yang gemar berdagang, berlayar dan merantau ke kawasan luar meninggalkan tanah asal mereka. Orang Bugis antara pedagang Melayu yang mempertahankan kedudukan ketuanan Melayu di Nusantara (Hussin, 2008). Peranan Pedagang Bugis sangat menarik perhatian suku sehingga sifat mereka disanjung oleh pedagang Eropah. Sifat jujur dan bijak berniaga dalam diri masyarakat Bugis ketika berdagang membuatkan mereka dihormati oleh pedagang-pedagang dari negara lain. Di Sulawesi Selatan, sebelum masyarakat Bugis berhijrah mereka telah menjalankan aktiviti mencucuk tanam padi untuk meneruskan kelangsungan hidup (Omar, 2009). Masyarakat

Bugis juga mempunyai kapal yang digunakan untuk berlayar ke kawasan lain. Bugis berlayar ke seluruh pelusuk dunia untuk menyebarkan sayapnya dalam bidang perdagangan. Dalam tradisi masyarakat Bugis, berlayar bukan perkara baru ia sudah berlaku sejak dahulu lagi. Sebagai etnik yang terkenal dengan kebijaksanaan dalam aktiviti pelayaran mereka juga mempunyai perahu yang dihasilkan sendiri. Perahu-perahu mereka adalah daripada jenis phinisi dan lambo. Masyarakat etnik Bugis menjadikan perahu sebagai pengangkutan untuk menjelajahi kepulauan (Takko, 2020). Nusantara. Masyarakat etnik Bugis memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti berdagang kerana minat dan untuk mengubah dan memperbaiki kehidupan dengan lebih baik. Setelah beberapa bulan mereka berlayar dan berdagang mereka akan pulang ke kampung halaman dengan membawa hasil-hasil berdagang kepada keluarga dan anak isteri (Omar, 2009).

2.3 Definisi Warisan Budaya

warisan budaya didefinisikan sebagai sesuatu peninggalan daripada masyarakat dahulu dan telah diterima pakai oleh masyarakat masa kini secara turun temurun. (Pustaka Edisi Keempat, 2007). Warisan budaya perlu dilindungi kerana warisan budaya adalah lambang identiti sesebuah negara. Warisan budaya telah dikategorikan di bawah ICOMOS dan UNESCO. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), warisan bermaksud "*warisan kebudayaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan budaya bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan*". Warisan budaya merangkumi beberapa kategori utama iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara.

2.3.1 Definisi Warisan Budaya Ketara

Warisan budaya ketara adalah warisan yang boleh dilihat dan disentuh. Warisan budaya ketara terbahagi kepada dua bahagian iaitu warisan budaya bergerak dan warisan budaya tidak bergerak. Warisan budaya bergerak merujuk kepada lukisan, patut duit syiling dan manuskrip. Bagi warisan budaya tidak beregrak lebih kepada monumen, tapak dan arkeologi (UNESCO).

2.3.2 Definisi Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara adalah warisan yang tidak wujud yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya masyarakat yang sehingga kini masih diamalkan dalam kehidupan seharian (UNESCO). Warisan budaya tidak ketara hanya wujud pada masa sekarang dan mempunyai nilai estetik yang tinggi (Jabatan Warisan Negara, 2021). Warisan budaya tidak ketara telah diiktiraf dibawah UNESCO supaya negara mengambil berat serta menjaga warisan budaya tidak ketara yang ada di negara. Dalam pembentukan warisan budaya tidak ketara di dalam sesebuah negara mengikut konvensyen peringkat antarabangsa menunjukkan beberapa langkah perlindungan seperti mewujudkan institusi pemantauan dan mempromosikan warisan budaya tidak ketara (UNESCO). Menurut UNESCO (2003) warisan tidak ketara bermaksud “*Intangible cultural heritage (“ICH”) refers to the practices, representations, expressions, knowledge and know-how, transmitted from generation to generation within communities, created and transformed continuously by them, depending on the environment and their interaction with nature and history*”. Budaya memberi rasa identiti kepada masyarakat sehingga kini. warisan tidak ketara boleh menjadi kepada objek yang disimpan oleh masyarakat mereka sendiri mengiktiraf sebagai sebahagian hidup mereka seperti bahasa dan adat mengikut etnik.

2.4 Penggunaan Bahasa Bugis Di Malaysia

Di dunia terdapat ribuan bahasa dan dalam setiap bahasa mewakili sistem yang tersendiri yang dikenali sebagai sistem tata (Wiranto, 2014). Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk daripada pelbagai suku atau bangsa. Di Malaysia terdapat bahasa majoriti dan bahasa minoriti. Bahasa minoriti adalah bahasa yang biasa digunakan dalam komunikasi harian masyarakat manakala bahasa minoriti adalah bahasa yang jarang digunakan ia berasal daripada Suku Iban, Bugis, Melanau dan sebagainya (Sukiman, 2019). Safaruddin (2016) berpendapat Malaysia antara negara yang memiliki kepelbagaian kaum, bahasa, agama dan budaya. Masyarakat di Malaysia hidup dengan persekitaran bercampur dengan etnik yang lain. Kewujudan pelbagai bahasa menjadi alat komunikasi kepada masyarakat untuk berkomunikasi antara bahasa. Malaysia menjadi negara yang terkenal dengan kepelbagaian bahasa majoriti seperti bahasa Bugis. Penggunaan bahasa Bugis oleh penutur asal hanya berlaku di kawasan-kawasan tertentu dan menjadi sebagai bahasa kedua bagi mereka. Ketika waktu-waktu tertentu sahaja bahasa Bugis digunakan dan berfokus kepada penutur lama.

2.4.1 Konsep dan Fungsi Bahasa

Bahasa dikenali sebagai alat komunikasi atau alat berhubung yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan maklumat, fikiran dan juga perasaan terhadap manusia lain (Arsyad, 2017). Namun begitu seseorang akan menjadi sukar untuk menyampaikan maklumat sekiranya tidak ada bahasa. Hal ini kerana, bahasa juga boleh memudahkan kita untuk berinteraksi dengan mudah antara manusia. Setiap manusia memiliki kemampuan untuk berbahasa antara manusia. Manusia juga menyampaikan informasi melalui bahasa dari satu generasi ke generasi yang lain. Bahasa juga disampaikan dalam bentuk bertulis kerana ia dapat mempengaruhi tingkah laku manusia (Devianty, 2017). Hal ini kerana, bahasa dikenali sebagai alat komunikasi antara manusia yang melambangkan bunyi melalui percakapan manusia (Yunaswaty 2010). Bahasa juga boleh

menjadi sebagai identiti serantau di mana dalam sesebuah daerah mengamalkan percakapan atau aksara yang pelbagai bahasa mahupun bahasa yang sama (Karmadi, 2007).

Bahasa mempunyai pelbagai fungsi utama dalam kehidupan masyarakat serta negara. Fungsi bahasa yang pertama ialah sebagai alat komunikasi. Bahasa merupakan kata-kata yang mempunyai makna dan melalui bahasa manusia boleh berinteraksi antara individu. Fungsi bahasa yang kedua sebagai identiti suatu suku disebabkan keunikannya. Setiap suku mempunyai bahasa yang berbeza-beza yang akan menjadi identiti serta keunikan bagi suku tersebut (Ibeng, 2005). Fungsi bahasa yang seterusnya sebagai sarana memahami diri sendiri dan orang lain. Dalam menonjolkan karakter seseorang harus memahami keadaan diri sendiri terlebih dahulu. Ia merangkumi kemampuan fizik, emosi dan kecerdasan seseorang. Bahasa juga dikatakan menjadi alat memahami orang lain kerana untuk memastikan keadaan seamasa berkomunikasi seseorang perlu memahami orang lain seperti memahami diri sendiri. Dengan kefahaman terhadap seseorang, pemakaian bahasa dapat mengenali keadaan seseorang dari aspek emosi, pemikiran dan intelektual (Ibeng, 2005). Selain itu, bahasa juga berfungsi sebagai alat ekspresi diri iaitu melalui bahasa seseorang menyampaikan apa yang dirasa seperti menyampaikan rasa sayang melalui bahasa yang indah. Akhir sekali bahasa berfungsi alat penyatu suatu bangsa kerana dijadikan sebagai alat untuk berkomunikasi. Setiap masyarakat dapat menyampaikan pemikiran mereka dengan menggunakan bahasa yang difahami. Komunikasi masyarakat menggunakan bahasa yang sama agar mereka memahami antara satu sama lain (Ibeng, 2005).

2.4.2 Konsep Bahasa Bugis

Bahasa Bugis adalah bahasa yang paling banyak telah dipengaruhi oleh bahasa Indonesia iaitu bahasa persatuan di Negara Indonesia (Asri, 2015). Bahasa Bugis juga merupakan antara bahasa yang unik kerana satu perkataan boleh menjadi dua maksud. Sebagai contoh perkataan “*bali*” bermaksud “pasangan” tetapi boleh juga membawa maksud kepada “lawan” atau “musuh” (Asri, 2015). Bahasa Bugis dikenali sebagai bahasa daerah kerana ia menjadi bahasa yang digunakan setiap hari oleh penduduk untuk berkomunikasi. Ia menjadi satu bahasa yang menyatukan penduduk kerana bahasa Bugis dapat dikuasai dengan mudah oleh seluruh masyarakat (Anshari, 2020). Secara tidak langsung bahasa telah menjadi satu budaya dan berfungsi sebagai lambang identiti budaya mereka yang dipraktik oleh penduduk tetap. Masyarakat Bugis sangat mempertahankan bahasa mereka sehingga sekarang dan menjadi adat untuk diturunkan secara turun temurun dari generasi ke generasi.

Bahasa Bugis mempunyai ungkapan yang melambangkan sebuah kebudayaan dan menjadi fungsi sebagai identiti budaya masyarakat etnik Bugis. Ungkapan ialah bentuk gaya bahasa beserta kiasan seperti kalimat atau kelompok kata yang bersifat ringkas, bernilai, nasihat, padat dan perumpamaan (Andi, 2020). Sejak dahulu lagi masyarakat etnik Bugis dikenali sebagai orang yang bersikap rendah diri dan sopan. Penggunaan bahasa yang digunakan oleh masyarakat etnik Bugis mempunyai nilai budaya nasional yang bersifat lokal genius. Bahasa Bugis adalah bahasa yang telah tersebar di beberapa negeri dan menjadi pertuturan harian terutama di Johor (Jalaludin, 2020).

Bahasa Bugis adalah bahasa yang dituturkan dalam harian masyarakat etnik Bugis serta menjadi lambang keperibadian mereka (Yusoff, 2017). Kadang kala ketika berkomunikasi mereka akan menggunakan bahasa atau ayat simbolik bagi mengelakkan daripada ucapan yang dianggap tidak sopan. Sebagai contoh bahasa Bugis simbolik, jika seseorang ingin memberitahu ada berlaku kematian seorang raja mereka akan

menyatakan dengan ayat simbolik "*Arungnge Matinroe ri bulue*" yang bermaksud "raja tidur di gunung". Perkataan "mati" ditukar kepada "tidur" kerana dianggap lebih hormat dan sopan. Kebanyakan masyarakat etnik Bugis yang merantau ke Tanah Melayu dan menetap di sana telah dipengaruhi dengan dialek Melayu (Yusoff, 2017).

2.4.3 Sistem Tulisan Dan Bahasa Yang Digunakan Masyarakat Etnik Bugis

Sistem tulisan dan bahasa yang dipakai oleh masyarakat etnik Bugis di sebut sebagai "*bicara ugi*". Terdapat pelbagai "dialek" dalam bahasa Bugis seperti Soppeng, Luwu, Bone, Wajo', Pare-Pare, Bulukumba dan Sedenreng (Harun, 2013). Bahasa Bugis telah digunakan dalam karya sastera seperti cerita rakyat, mitos, lagenda, dongeng, pantun, syair dan puisi (Harun, 2013). Tujuan bahasa Bugis digunakan dalam bentuk karya sastera adalah untuk memelihara perjataan-perkataan asal Bugis supaya tidak dilupakan oleh generasi sekarang. Sebagai contoh syair dari etnik Bugis ditulis oleh Arung Pancana Tao yang bertajuk "*Sure Baweng*" dan "*kalinda da*". Setiap karya yang dihasilkan, ditulis dengan menggunakan tulisan aksara Lontara.

Selain itu, terdapat juga karya sastera dalam bahasa Bugis iaitu "*Sure La Galigo*" dengan menggunakan susunan kata-kata yang indah "*Sure La Galigo*" adalah karya sastera berbentuk puisi. Setiap bahasa yang diguna di dalam penulisan puisi "*Sure La Galigo*" berbeza dengan bahasa seharian. Karya sastera "*Sure La Galigo*" mempunyai beberapa ciri yang membezakannya dengan karya sastera Bugis lain. Ciri ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu irama, bahasa dan jalan cerita (Salim, 2013). Irama terdapat dalam setiap penulisan puisi "*Sure La Galigo*" yang ditentukan melalui jumlah suku kata. Ciri-ciri bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa ketika menghasilkan puisi tersebut. Setiap kosa kata yang digunakan dalam menghasilkan puisi ini tidak diketahui maksudnya oleh masyarakat umum (Salim, 2013).

2.5 Teori Akomodasi Komunikasi Dalam Penggunaan Bahasa Bugis Di Johor.

Pengkaji memilih aplikasi teori akomodasi komunikasi untuk kajian ini. Teori akomodasi komunikasi atau teori “*communication Accommodation*” adalah komunikasi yang menekankan penyesuaian bahasa yang dilakukan oleh seseorang semasa berkomunikasi (Ali, 2015). Teori ini diperkenalkan oleh Howard Giles yang merupakan profesor komunikasi di “*University of California*” seawal tahun 1973 berkaitan dengan penyesuaian interpersonal dalam interaksi komunikasi (hafiz, 2015). Akomodasi merujuk kepada kebolehan seseorang mengadaptasi, memodifikasi dan mengatur perilaku terhadap orang lain. Kebiasaannya akomodasi dilakukan secara tidak sadar iaitu ketika kita berbicara dengan orang lain (Hafiz, 2015). Akomodasi pula merujuk kepada cara seseorang menyesuaikan pertuturan dalam aspek interaksi, bicara, dan nada ketika berkomunikasi dengan orang lain (Said, 2019). Teori ini dikaitkan dengan kajian ini berdasarkan tema pada bahagian objektif dua menerangkan bahawa ada penutur terpaksa menggunakan bahasa lain untuk berkomunikasi dan ada penutur yang kekal menggunakan bahasa asli ketika bertutur dengan penutur yang lain. Didapati bahawa golongan yang lebih tua lebih gemar menyesuaikan diri dengan golongan yang lebih muda dengan menukar bahasa yang digunakan. Dalam proses akomodasi komunikasi terdapat tiga strategi yang digunakan ketika melakukan komunikasi iaitu

a) Konvergensi

Merujuk kepada strategi yang digunakan untuk menyesuaikan diri dengan tingkah laku orang lain. Konvergensi merupakan proses yang selektif kerana ia tidak selalu digunakan sebagai strategi konvergensi dengan penutur yang lain. Dalam kovergensi penutur akan menghasilkan persepsi yang membuatkan penutur lain tertarik dengan kita (Said, 2019).

Secara kesimpulannya, konvergensi adalah bagaimana seseorang beradaptasi atau menyesuaikan diri dengan orang lain.

b) Divergensi

Merujuk kepada strategi komunikasi yang digunakan bagi menggambarkan perbezaan verbal iaitu komunikasi dalam bentuk pertuturan dan bertulis dan nonverbal iaitu komunikasi alam bentuk bahasa badan atau ekspresi wajah di antara para penutur. Dalam strategi ini terdapat proses penutur akan mengakomodasikan komunikasinya dengan orang lain untuk memperlihatkan perbezaan masing-masing dari aspek baik dari segi verbal atau nonverbal (Said, 2019). Divergensi sangat berbeza dengan kovergensi kerana divergensi memfokuskan kepada seseorang yang tiada usaha untuk menunjukkan persamaan atau berminat ketika berkomunikasi antara mereka. seseorang yang mempunyai ciri-ciri divergensi bukanlah tiada tindak balas tetapi mereka lebih gemar memutuskan untuk memisahkan diri mereka daripada komunikator lain atas sebab tertentu.

c) Akomodasi berlebihan

Merujuk kepada strategi yang digunakan secara berlebihan dalam usaha mengatur dan tindak balas daripada orang lain. Penutur yang berkomunikasi secara berlebihan sehingga membuatkan pendengar tidak berminat untuk berkomunikasi Ia menyebabkan pendengar tidak berminat untuk mempelajari tentang bahasa dengan cara menghindari percakapan terhadap Pembicara (Said, 2019). Istilah ini sesuai diberikan kepada mereka yang gemar berbicara banyak tetapi tiada yang menjadi pendengar kerana merasa ia terlalu berlebihan.

Antara di ketiga-tiga proses akomodasi komunikasi yang dinyatakan terdapat perbezaan yang sangat ketara. Konvergensi adalah yang paling disukai kerana pendengar

cenderung bertindak balas secara positif kepada orang yang sedang berbicara berbanding divergensi sentiasa mencari alasan untuk mengelak berlakunya komunikasi antara mereka. seseorang yang mempunyai ciri-ciri divergensi hanya akan berbicara ketika perlu atau ingin mengetahui sesuatu yang diinginkan. Akomodasi berlebihan menunjukkan ketidakselesaan ketika berkomunikasi yang dirasai oleh pendengar. Teori ini memfokuskan kepada perbualan yang berlaku dalam kehidupan dan mempengaruhi komunikasi budaya terhadap interaksi. Teori ini telah diaplikasikan dalam kajian kepupusan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor.

2.6. Penutup

Bab ini dapat disimpulkan terdapat banyak kajian literatur yang menjelaskan sesuatu pendapat yang relevan berkaitan dengan bahasa Bugis. Kajian literatur menunjukkan bahawa kewujudan bahasa Bugis terdapat di dalam Malaysia juga. Bahasa Bugis telah wujud sejak dahulu lagi. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, teori akomodasi komunikasi telah dipilih kerana bersesuaian dengan kajian ini. Oleh itu, pengkaji akan beralih kepada jenis kaedah kajian dalam kajian ini.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga membincangkan metodologi kajian yang telah digunakan semasa mendapatkan maklumat data. Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan lebih terperinci mengenai pendekatan kualitatif dan kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Antara kaedah-kaedah yang digunakan di dalam kajian ialah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Seterusnya dalam bab ini juga menerangkan berapa ramai responden yang dipilih dan ditemu bual untuk mengetahui lebih mendalam tentang bahasa Bugis dalam kalangan komuniti di kampung ini. Instrument kajian seperti buku nota dan rakaman suara digunakan sepanjang kajian ini dijalankan untuk memudahkan mendengar semula bagi maklumat pada dapatan kajian. Selain itu, pensampelan bertujuan dan bebola salji dan analisis tematik digunakan dalam kajian ini bagi menjawab objektif-objektif kajian yang akan dikemukakan pada bab 1. Akhir sekali, bab ini menjelaskan dengan lebih mendalam tentang kaedah menganalisis data berdasarkan kajian yang dikumpul semasa kajian lapangan dijalankan.

3.1. Pendekatan Kajian

Pengkaji memilih pendekatan kajian kualitatif sebagai kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian. Pendekatan kualitatif adalah proses menganalisis maklumat secara realiti yang mempunyai makna, bersifat personal dan subjektif (Yusuf, 2003). Kualitatif adalah antara kaedah dalam penyelidikan yang dipilih oleh para pengkaji untuk mencari data gambaran yang dapat membantu menjawab persoalan yang timbul semasa kajian dijalankan (Lexy, 2007). Kaedah kualitatif adalah bersifat deskriptif iaitu dalam bentuk kata-kata lisan dan tulisan berkaitan dengan perilaku manusia. Kaedah ini terbahagi

kepada beberapa bentuk iaitu bentuk pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Jasmi, 2012). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk memperoleh maklumat tentang kepupusan budaya penggunaan bahasa Bugis dalam komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor.

3.2 Reka bentuk Kajian: Kaedah Etnografi

Reka bentuk kajian direka untuk pengkaji melakukan tinjauan dan melihat sendiri tempat yang ingin dikaji. Rekabentuk adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan untuk mengutip dan menganalisis data (Bryman, 2008). Rekabentuk kajian merupakan kajian yang melibatkan interaksi, strategi pengkaji serta kaedah kajian yang digunakan (Creswell, 2009). Etnografi merujuk kepada cara merungkai aspek-aspek budaya secara menyeluruh dan merupakan pengetahuan yang merangkumi aspek-aspek penelitian, deskripsi serta teori etnografi (Zakiah, 2008). Sementara itu, Ahmad (2018) dan Zakiah (2008) menyatakan bahawa etnografi merujuk kepada perilaku seseorang dalam sesebuah masyarakat yang dipengaruhi oleh budaya. Etnografi menerangkan bentuk “*culture-sharing*” kepercayaan, bahasa, gaya hidup, tingkah laku dan interaksi (Creswell, 2005). Pengkaji memilih kajian etnografi untuk memahami dengan teliti mengenai isu yang akan dikaji serta menambah pengetahuan berkaitan sesuatu budaya. Pengkaji telah pergi ke lapangan kajian untuk membuat tinjauan dan mengumpulkan data melalui pemerhatian dan tembual serta membuat rakaman suara bersama responden.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data adalah proses untuk mendapatkan maklumat kajian yang akan dijalankan. Tujuan pengumpulan data dilakukan adalah untuk mencari maklumat yang lebih sahih (Masri, 2005). Pengumpulan data merupakan proses pengkajian yang memerlukan pengkaji menggunakan beberapa kaedah atau teknik untuk mencari data secara teliti (Adibah, 2019). Kaedah pengumpulan data digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkaitan kajian yang telah dijalankan. Sumber-sumber yang digunakan oleh pengkaji bagi proses pengumpulan data adalah seperti berikut:

3.3.1 Data Primer

Kanal (2016) menyatakan data primer adalah kaedah yang digunakan untuk memperolehi maklumat secara langsung iaitu berbentuk temu bual dan pemerhatian. Pengkaji menjalankan data primer dengan cara soal jawab berkaitan kajian yang akan dikaji. Abdilah (2020) menjelaskan data primer merupakan proses mengumpul data dengan berkomunikasi bersama responden untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data primer untuk mengumpul maklumat melalui tembual dan pemerhatian ke lokasi kajian.

a) Temu Bual

Temu bual adalah kaedah pengumpulan data daripada responden yang telah dipilih dengan mengadakan sesi soal jawab antara responden dengan pengkaji. Kaedah temu bual boleh dilakukan secara bersemuka atau berkomunikasi menggunakan media telekomunikasi sahaja untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam daripada responden (Maliki, 2011). Kaedah ini menjadi bukti terhadap maklumat yang diperoleh

daripada responden. Pengkaji telah bersemuka dengan responden yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam kajian. Temu bual dijalankan mengikut keselesaan dan kesudian responden. Sesi soal jawab telah dilakukan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami kerana responden terdiri daripada golongan muda dan golongan tua di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci untuk menjawab objektif kajian. Seramai 10 orang responden terdiri daripada golongan muda dan golongan tua yang merupakan penduduk di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor.

b) Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu kaedah pengumpulan data yang menggunakan pancaindera seperti penglihatan dan pendengaran untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan serta melihat sendiri di lokasi kajian (Maliki, 2011). Pemerhatian merujuk kepada pengkaji memahami secara mendalam terhadap objektif yang dipilih untuk menjadi bahan kajian (Faisal, 2013). Kaedah pemerhatian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu secara pemerhatian langsung dan pemerhatian penglibatan. Kaedah secara langsung tidak memerlukan komunikasi dengan responden dan kaedah pemerhatian secara penglibatan yang memerlukan pengkaji berjumpa dengan masyarakat untuk memahami dengan lebih teliti dengan isu yang dikaji (Jasmi, 2012). Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian bukan peserta bagi mengukuhkan lagi maklumat pada bahagian temu bual. Catatan dilakukan supaya pengkaji dapat memahami apa yang digambarkan oleh responden semasa temu bual. Berikut merupakan analisis secara menyeluruh daripada rakaman perbualan berdasarkan peringkat umur responden.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data tidak langsung yang memberikan maklumat kepada pengumpul data. Data yang diperolehi adalah dalam bentuk buku, jurnal, artikel dan surat khabar (Anggraini, 2020). Data sekunder menjadi sebagai data sokongan kepada data primer dalam sesuatu kajian serta sebagai penyumbang dalam pencarian maklumat kajian. (Sekaran, 2011). Marican (2005) menjelaskan bahawa data sekunder adalah data yang telah dijalankan oleh pengkaji yang lain. Kajian lalu dikumpulkan bertujuan supaya pengkaji masa kini boleh menggunakan kajian-kajian lepas bagi menjawab persoalan yang timbul semasa mengkaji. Pengkaji telah menggunakan kaedah data sekunder untuk memperolehi maklumat.

a) Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan budaya dan penggunaan sesuatu bahasa. Kajian kepustakaan bermaksud kaedah pengumpulan data dengan membaca buku atau berbagai lampiran berkaitan dengan masalah yang hendak diselesaikan (Budi 2018). Kajian kepustakaan adalah kaedah penting perlu digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan (Omar, 2013). Rujukan yang meluas daripada sumber kepustakaan dapat membantu pengkaji mencari maklumat secara terperinci. Kajian ini dijalankan bertujuan membantu pengkaji mencari risalah berkaitan dengan topik yang hendak dikaji serta meluaskan pengetahuan pengkaji tentang topik yang dikaji olehnya.

b) Sumber Internet

Bagi mencari maklumat yang berkaitan kajian melalui sumber internet dilakukan dengan mencari pelbagai jurnal, penyelidikan ilmiah serta kertas kerja. Dengan kemajuan teknologi maklumat (IT) seperti capaian internet khususnya dalam mencari kajian-kajian

lepas oleh para sarjana luar negara dan dalam negara membantu pengkaji untuk mencari bahan rujukan. Kaedah sumber internet dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi menyokong dan memperbanyakkan lagi sumber berkaitan topik yang dikaji. Pengkaji juga menggunakan sepenuhnya sumber internet untuk mendapatkan data berkaitan kajian yang dijalankan.

3.4 Alatan Bantuan Kajian

Instrumen kajian ialah alat bantuan yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data supaya lebih sistematik (Suharsimi, 2010). Instrumen kajian adalah alat yang digunakan oleh pengkaji ketika menjalankan kajian sebagai asas untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji pada bahagian ini ialah perakam audio dan nota lapangan.

3.4.1 Perakam Audio

Semasa melaksanakan kajian pengkaji telah menggunakan instrumen perakam audio bagi merakam perbualan semasa menemu bual responden di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Perakam audio di perlukan adalah untuk mendapatkan maklumat daripada responden serta sebagai bukti bahawa pengkaji melaksanakan proses menemu bual responden. Responden yang telah di temu bual adalah dalam kalangan golongan orang tua dan golongan orang muda.

3.4.2 Nota Lapangan

Pengkaji menggunakan buku catatan semasa menemu bual responden bagi mencatat maklumat yang akan diberikan oleh responden berkaitan dengan kepupusan budaya penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu pahat Johor.

3.5 Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian adalah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada populasi di lokasi kajian (Masri, 2002). Populasi yang tepat dapat menentukan maklumat yang dicari kerana populasi dapat menentukan sejauh mana maklumat dapat dikumpul untuk tujuan analisis (Majid, 2000). Pensampelan kajian menurut Madri (2002), adalah proses pemilihan responden yang hendak di temu bual berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Maklumat yang diperolehi daripada kaedah pensampelan kajian adalah dalam bentuk data primer. Pengkaji tidak boleh mempertikaikan maklumat yang diberi oleh responden (Fazlin, 2012). Pengkaji memilih pensampelan bukan kebarangkalian (secara tak rawak) kerana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Pensampelan bukan kebarangkalian adalah pemilihan sampel yang telah dikenal pasti dengan memfokuskan kriteria yang ditetapkan dalam sesebuah populasi (Fazlin, 2012).

3.5.1 Pensampelan Bertujuan Dan Pensampelan Bebola Salji

Pensampelan bertujuan adalah kaedah pemilihan responden berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji untuk memperoleh sampel kajian yang sesuai (Othman, 2011). Sebelum pengkaji memulakan kajian, pengkaji perlu mengetahui saiz sampel yang diinginkan untuk digunakan semasa menjalankan kajian. Pengkaji memfokuskan etnik Bugis dalam komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Saiz sampel yang diperlukan oleh pengkaji adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada golongan muda berumur 18 hingga 26 tahun dan golongan tua berumur antara 50 tahun hingga 70 tahun. Pengkaji telah mencari responden yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam kajian. Pengkaji telah menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan pada bab satu.

Pensampelan bebola salji adalah pemilihan sampel yang memenuhi kriteria telah ditetapkan. Pensampelan tersebut akan memperkenalkan dengan sampel-sampel lain yang mempunyai kriteria yang sama (Yusof, 2003). Pensampelan bebola salji digunakan apabila pengkaji tidak menjumpai data yang diperlukan. Pengkaji akan meneliti terlebih dahulu populasi yang mempunyai kriteria diperlukan. Pensampelan bebola salji akan digunakan secara berterusan sehingga pengkaji menjumpai responden yang menepati kriteria yang telah ditetapkan. Pengkaji telah bertanya kepada responden sekiranya mereka mempunyai kenalan yang memenuhi kriteria tepat seperti yang dicari oleh pengkaji.

Jadual 3.1: Demografi Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Responden	Umur	Pendidikan	Pekerjaan
Responden 1	50an	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Guru Mengaji
Responden 2	20an	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Pelajar
Responden 3	30an	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Pekerja Kilang
Responden 4	19an	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	Promoter
Responden 5	30an	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Berniaga
Responden 6	20an	Ijazah (Pendidikan Tinggi)	Polis

Responden 7	20an	Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM)	Kerani
Responden 8	18an	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Pelajar
Responden 9	60an	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	Pekebun Sekolah
Responden 10	60 an	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Suri Rumah

Jadual 3.1 di atas menjelaskan seramai 10 orang responden terdiri daripada komuniti Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor. Peringkat umur responden terdiri daripada umur 18 hingga 60 tahun ke atas yang meliputi golongan lelaki dan Wanita. Kesemua responden yang dipilih tidak ada mempunyai kaitan dengan pengkaji. Pengkaji menebual setiap responden secara bersemuka dan menggunakan rakaman audio beserta buku untuk menyimpan data. Kemudian semasa temu bual dijalankan pengkaji akan meminta cadangan kepada responden sekiranya mengenali komuniti lain yang mempunyai kriteria-kriteria yang pengkaji inginkan. Setiap responden yang di temu bual bagi menyiapkan kajian ini memberi kerjasama yang baik.

Bagi taraf pendidikan dilihat dalam kalangan komuniti etnik Bugis di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor terdiri daripada berpendidikan tinggi bagi golongan yang belajar sehingga ke peringkat universiti dan berpendidikan rendah bagi mereka yang belajar sehingga ke peringkat sekolah rendah. Melalui taraf pendidikan jadual di atas menunjukkan komuniti di kampung Batu Puteh mempunyai taraf pendidikan yang baik.

Pengkaji dapat melihat bagaimana kesemua responden menghargai bahasa ibunda mereka.

Taraf pendidikan dilihat berdasarkan golongan bekerja dan tidak bekerja. Golongan bekerja terdiri daripada responden yang berumur lewat 20an tetapi ada juga golongan yang tidak bekerja seperti pelajar dan suri rumah. Pengkaji dapat mengetahui kekerapan penggunaan bahasa Bugis sama ada golongan bekerja atau tidak bekerja yang masih mempunyai pengetahuan tentang bahasa Bugis.


3.6 Kaedah Analisis Data

Analisis data merupakan proses menukarkan data hasil daripada penelitian kepada sebuah informasi yang baru supaya menjadi lebih mudah untuk difahami (Prawiro, 2018). Analisis data merupakan teknik yang digunakan dalam pendekatan kualitatif yang dapat membantu pengkaji mengenalpasti data yang penting. Analisis data berfungsi sebagai menyelesaikan permasalahan yang berhubung dengan penelitian (Prawiro, 2018). Analisis data merupakan langkah penting dalam penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Data yang diperolehi melalui penyelidikan mestilah tepat dan data yang terhasil memenuhi kriteria yang telah ditentukan (Sukandar, 2006). Pengkaji memilih menggunakan teknik yang sesuai dengan data yang ada bagi mencari hasil dapatan yang tepat.

3.6.1 Analisis Tematik

Pengkaji memilih untuk menggunakan analisis tematik dalam kajian yang dijalankan. Selain itu, analisis tematik ialah satu teknik yang digunakan dalam menganalisis data kualitatif selain menyelesaikan permasalahan dan menjawab persoalan dalam kajian (Osman, 2003; Ali, 2012; Andi, 2000). Menurut Junaid (2016) mengatakan bahawa analisis tematik antara pendekatan yang paling banyak digunakan pengkaji yang

menggunakan kajian kualitatif. Penelitian harus dilakukan berdasarkan tema dan tidak boleh terpesong dari tema yang telah ditetapkan. Analisis digunakan untuk memahami kajian yang dijalankan dengan lebih mendalam. Analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti, menganalisis dan menghasilkan tema yang ada dalam data (Braun dan Clarke, 2006).



Rajah 3.1: Proses Menganalisis Data

Rajah diatas menunjukkan proses yang telah dilaksanakan oleh pengkaji untuk menganalisis data dalam kajian ini. Analisis tematik digunakan untuk mengeluarkan data-data yang hanya diperlukan sahaja.

i. Transkripsi

Langkah pertama pengkaji melalui proses transkripsi iaitu membaca dan cuba memahami data temu bual. Kemudian pengkaji meneliti transkrip dan memahami apa yang dikatakan oleh responden. Setelah itu pengkaji menyalin data-data dalam bentuk instrumen kajian yang mengandungi rakaman video, catatan kerja lapangan, dan temu bual antara pengkaji dengan penduduk di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Pengkaji pergi ke kampung itu untuk menemu bual beberapa responden yang berasal daripada etnik Bugis bagi mendapatkan data. Proses ini memerlukan masa yang lama, pemerhatian secara teliti dan kesabaran daripada pengkaji. Namun begitu, proses akan memberi peluang kepada pengkaji untuk menyelami dan memahami setiap data yang diperolehi. Apabila proses transkripsi selesai dijalankan pengkaji perlu menyusun semula data mengikut bahagian supaya senang untuk pengkaji menggunakan semula. Seterusnya pengkaji menyusun semula maklumat-maklumat yang telah dicatat semasa di lokasi kajian mengikut tarikh data dipungut.

ii. Pengekoden

Langkah kedua ialah pengekoden memainkan peranan utama dalam analisis tematik. Pengkaji melakukan pengekoden dan memasukkan data ke dalam kod untuk mencari persamaan data antara responden. Pengekoden ialah langkah yang membolehkan pengkaji untuk menyambungkan kod yang berbeza yang dikenalpasti dalam pengekoden awal ke dalam kategori dan subkategori (Liamputtong, 2009). Pengekoden ialah titik permulaan bagi kebanyakan bentuk analisis data kualitatif (Liamputtong, 2009). Pengkaji

mengenal pasti kata kunci dari hasil transkrip yang telah dibaca. Data yang telah dikumpulkan akan dilabel bagi memudahkan analisis. Pengkaji mengenal pasti setiap petikan yang ada di dalam skrip dan menyimpan sebagai rujukan. Setiap petikan yang dijumpai adalah berkaitan dengan topik yang dikaji iaitu penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Pada tahap ini data akan dikurangkan dan hanya dipilih mengikut apa yang diperlukan oleh pengkaji sahaja. Pengkaji menyemak setiap maklumat dengan berhati-hati secara berulang kali. Pengekoden menurut Kelli (1995) ialah proses mempunyai dua fungsi utama yang dipanggil koding iaitu satu petikan teks mempunyai maklumat yang khusus. Fungsi yang kedua ialah koding untuk melihatkan fakta yang wujud di dalam maklumat menerusi data-data mentah.

iii. Tema

Proses yang seterusnya ialah tema dimana pengkaji akan mencipta tema berdasarkan kod yang telah diasingkan. Tujuan tema dicipta adalah bagi memudahkan pengkaji melihat serta mengumpul data-data yang diperlukan sahaja. Selepas pengkaji mencipta tema, pengkaji perlu melalui proses demonstrasi kebolehpercayaan yang amat penting untuk mempertahankan ketepatan maklumat daripada terdedah dengan data yang salah. Pada tahap ini, pengkaji perlu memastikan data yang diperoleh adalah data yang benar dan tidak dipersoalkan. Seramai 10 orang responden daripada Kampung Batu puteh, Batu Pahat, Johor terdiri daripada golongan tua dan golongan muda dirujuk mendapatkan maklumat melalui soal selidik dan tembual. Tembual yang akan dijalankan oleh pengkaji berdasarkan objektif yang telah dipilih iaitu mengenal pasti kosa kata bahasa etnik Bugis dengan bahasa harian yang digunakan oleh komuniti di Kampung Batu Puteh, batu Pahat, Johor, faktor yang menyebabkan bahasa etnik Bugis kurang

digunakan dalam kalangan masyarakat masa kini dan langkah-langkah untuk mengekalkan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

iv. Laporan

Seterusnya, pengkaji melalui proses laporan iaitu menyiapkan laporan terlebih dahulu sebelum proses seterusnya iaitu triangulasi. Dengan adanya data yang telah dijadikan tema pengkaji akan menyusun tema dalam dapatan kajian sebelum menulis menjadi laporan. Setiap tema yang dimasukkan beserta dengan kata-kata daripada responden yang telah di temu bual. Pada tahap ini pengkaji perlu mentafsir, mengulas dan menyebarkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Dapatan kajian perlulah berdasarkan kepada data-data yang diperolehi.

v. Triangulasi

Akhir sekali, pengkaji melalui proses triangulasi merujuk kepada satu pendekatan analisis data yang mensintesis data-data daripada pelbagai sumber (Bachri, 2010). Triangulasi ialah satu cara untuk mendapatkan data yang sahih dengan menggunakan pelbagai kaedah. Triangulasi merujuk kepada teknik menyemak kesahihan data dengan memanfaatkan sesuatu selain daripada data itu sendiri untuk tujuan perbandingan (Bachri, 2010). Prinsip triangulasi ialah model semakan data untuk menentukan sama ada sesuatu data menggambarkan fenomena dalam kajian. Oleh itu, Pengkaji menggunakan data yang telah dikenal pasti daripada responden dan membandingkan dengan data yang dijumpai dari sumber literatur. Pengkaji mendapati bahawa data daripada responden menyokong maklumat pada kajian lepas dengan membuktikan bahawa apa yang dikatakan oleh responden telah disokong oleh kajian lepas. Setelah. Dalam masa yang sama pada proses terakhir pengkaji mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan topik yang

dikaji. Oleh itu, hasil analisis yang telah dikumpul hendaklah dipersembahkan dengan jelas dan boleh menyakinkan pembaca.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji telah mengenal pasti metodologi dan digunakan semasa menjalani kajian ini. Diharapkan dapat untuk membantu dan memberi sokongan kepada dapatan kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menetapkan kaedah kajian yang sesuai digunakan dalam kajian. Pengkaji menggunakan kaedah pendekatan kualitatif bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan lebih teliti dan terperinci terutama bagi memastikan setiap persoalan yang telah ditetapkan terjawab dengan sempurna. Sehubungan itu, pengkaji telah memastikan kajian dilaksanakan dengan mengikut tatacara yang ketat serta mengikut maklumat data yang telah dikenal pasti.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Di dalam bab empat menerangkan tentang hasil dapatan kajian kepupusan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor bagi menjawab ketiga-tiga objektif. Hasil dapatan ini menerangkan tentang perbezaan kosa kata dengan bahasa harian, pertukaran kod bahasa, jarak umur, perkahwinan campur, peralihan bahasa dalam kehidupan masyarakat, perilaku masyarakat terhadap bahasa, perkembangan teknologi, kesan kepupusan bahasa Bugis kepada masyarakat, kepentingan pengekalan bahasa Bugis, peranan mengekalkan budaya Bugis, kesedaran masyarakat etnik Bugis dan memartabatkan penggunaan bahasa Bugis

4.1 Penggunaan Bahasa Bugis Dalam Pelbagai Peringkat Umur

Penggunaan bahasa telah ada dalam pelbagai peringkat umur dalam kehidupan manusia. Bahasa sangat penting bagi manusia kerana tanpa bahasa manusia tidak akan dapat berinteraksi sesama mereka. Penggunaan sesuatu bahasa bermula seawal usia seseorang. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa peringkat umur sangat mempengaruhi penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor. Hal ini kerana apabila peredaran zaman berlaku telah menyebabkan bahasa juga akan berubah dari masa ke semasa.

Jadual 4.1: Golongan umur dan bahasa harian yang digunakan oleh komuniti di
Kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Golongan(Umur)	Kod	Bahasa yang digunakan
Golongan Muda (18-26an)	Responden 2	Melayu
	Responden 3	Melayu
	Responden 4	Percampuran (Melayu + Bugis)
	Responden 6	Percampuran (Melayu + Bugis)
Golongan Pertengahan (30-40an)	Responden 7	Melayu
	Responden 1	Melayu
	Responden 8	Percampuran (Melayu + Bugis)
	Responden 5	Bugis
Golongan Tua (50-70an)	Responden 9	Bugis
	Responden 10	Percampuran (Melayu + Bugis)

Jadual 4.1 diatas menunjukkan sebanyak 5 orang responden terdiri daripada umur 18 hingga 26 tahun dengan bahasa yang digunakan bahasa Melayu dan hanya 2 orang responden sahaja yang masih menggunakan bahasa percampuran antara bahasa Melayu dengan bahasa Bugis. Ketika ini golongan muda lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu kerana telah dibiasakan dengan persekitaran seperti di rumah dan di sekolah memfokuskan penggunaan bahasa Melayu sebagai alat untuk berkomunikasi tetapi masih ada yang menggunakan dua bahasa, bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa Bugis sebagai bahasa kedua mereka. Bahasa Bugis hanya digunakan semasa berkomunikasi dengan keluarga dan saudara mara apabila berkomunikasi dengan masyarakat lain mereka akan menggunakan bahasa Melayu. Orang yang menggunakan bahasa ketika berkomunikasi dalam lingkungan sosial sering menghadapi pelbagai masalah dalam percakapan dalam masyarakat, namun halangan seperti ini sering berlaku kerana keterbatasan kemampuan penutur dengan penutur. Selagi penutur dengan penutur dapat memahami pertuturan antara satu sama lain kerana perbezaan kedua-dua bahasa tersebut (Amri, 2019)

Bagi golongan umur pertengahan antara 30 tahun hingga 40 tahun adalah seramai 2 orang responden dimana satu orang responden bahasa yang digunakan bahasa Melayu dan seorang lagi menggunakan percampuran bahasa Melayu dan bahasa Bugis dalam harian mereka. Boleh dilihat pada peringkat umur ini masyarakat Bugis di kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor juga telah kurang menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa harian. Apabila pada peringkat umur ini telah mula mengalami perubahan bahasa tidak mustahil bagi golongan muda lebih ramai yang memilih bahasa Melayu sebagai bahasa harian berbanding bahasa Bugis.

Manakala bagi umur golongan tua antara 50 tahun hingga 70 tahun iaitu seramai 3 orang responden terdiri daripada 2 orang yang masih fasih menggunakan bahasa Bugis dan seorang menggunakan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Bugis. Golongan pertengahan dengan golongan tua masih ada yang berkomunikasi menggunakan bahasa Bugis. Hal ini kerana daripada usia muda mereka telah menggunakan bahasa Bugis dengan sebaiknya. Mereka juga telah hidup lama dalam komuniti hanya etnik Bugis sahaja pada awalnya. Percampuran bahasa telah berlaku dalam kehidupan mereka sehingga mampu menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis ketika berkomunikasi secara lisan. Oleh itu, terdapat percampuran bahasa dalam kehidupan mereka.

4.2 Perbezaan Pebendaharaan Kata Bahasa Etnik Bugis Dengan Bahasa Harian Yang Digunakan Oleh Komuniti Di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor.

Bahasa Bugis merupakan salah satu bahasa yang paling banyak dipengaruhi oleh bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan di sana (Asri, 2015). Bahasa Bugis terkenal sebagai bahasa daerah kerana menjadi bahasa yang diguna pakai sebagai alat berkomunikasi oleh penduduk. Bahasa telah menjadi penyatu yang menyatukan penduduk kerana bahasa Bugis antara bahasa yang mudah dikuasai sekiranya seseorang menjadikan bahasa Bugis sebagai bahasa komunikasi harian (Anshari, 2020). Kosa kata yang bermaksud semua kata atau perkataan yang diguna oleh seseorang dalam bahasa tertentu. Ia digunakan semasa untuk berkomunikasi dengan orang lain sepanjang hidupnya (Salim, 2013). Seseorang tidak akan boleh bertutur dengan baik walaupun secara lisan atau tulisan. Pertuturan secara lisan adalah dalam bentuk percakapan dengan mengeluarkan bunyi bahasa melalui mulut. Setiap bunyi yang dikeluarkan mempunyai maksud yang mudah difahami oleh orang lain (Robihim,

2018). Terdapat banyak daerah di Johor yang masih mempunyai masyarakat daripada etnik Bugis bahkan masih ada golongan yang menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa percakapan antara mereka. Setiap perkataan dalam bahasa Bugis mempunyai perbezaan dari aspek kosa kata antara bahasa Bugis dengan bahasa harian komuniti Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor.

4.2.1 Perbezaan Kosa Kata Dengan Bahasa Harian

Hasil dapatan menunjukkan bahawa berlaku kewujudan perbezaan kosa kata antara bahasa Bugis dengan bahasa harian yang diguna oleh komuniti di kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor. Kebanyakan masyarakat di kampung Batu Puteh menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk mereka berkomunikasi setiap hari dan bahasa Bugis merupakan bahasa kedua mereka termasuk golongan tua juga menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa harian.

Jadual 4.2: Kosa Kata Bahasa Bugis Dengan Bahasa Melayu

Sumber: Kajian Lapangan

Bahasa Bugis	Bahasa Harian/bahasa Melayu
Aga Kareba	Apa Khabar
Kareba Madeceng	Khabar Baik
Magae	Mengapa
Seddi	Satu
Duwa	Dua
Tellu	Tiga
Eppa	Empat

Lima	Lima
Enneng	Enam
Pitu	Tujuh
Aruwa	Lapan
Asera	Sembilan
Seppulo	Sepuluh
Igga Asetta	Siapa Nama
Etta/Tetta	Ayah
Mabelle	Berbohong
Tudang	Duduk
Aga Iyaro	Apa Itu
Huranik Mandere	Awak Dah Makan
Huranik Yek	Sudah Makan
Marengkalinga	Mendengar
Dek Namasirik	Dia Tak Tahu Malu

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa perbezaan kosa kata bahasa Bugis dengan bahasa Melayu yang digunakan oleh komuniti di Kampung Batu Puteh. Perbezaan dapat dilihat dari aspek sebutan dan ejaan pada setiap kosa kata antara bahasa Bugis dengan bahasa Melayu yang dinyatakan di atas. Kosa kata merujuk kepada salah satu komponen penting dalam bahasa (Robihim, 2008). Bagi seseorang yang ingin memahami sesuatu bahasa tidak akan terlepas daripada penggunaan dan penguasaan kosa kata. Setiap kosa kata yang dimiliki oleh seseorang menentukan sejauh mana mereka dapat memahami sesuatu bahasa. Kemahiran memiliki kosa kata sangat penting untuk menakluki kemahiran membaca dengan baik. Perbezaan kosa kata bahasa Bugis dengan bahasa Melayu dapat

dilihat dengan jelas semasa kajian dapatan dijalankan. Hanya orang yang mahir berbahasa Bugis sahaja yang boleh menyebut kosa kata bahasa Bugis dengan baik dan sempurna.

Lebih banyak perbezaan daripada persamaan antara bahasa Bugis dengan bahasa Melayu yang menjadi bahasa komunikasi harian penduduk. Utami (2021) menjelaskan bahawa bahasa Bugis sebagai bahasa minoriti mempunyai perbezaan dengan bahasa Melayu yang digunakan sehari-hari sebagai alat komunikasi dengan etnik lain. Perbezaan bahasa ini telah menjadi satu fenomena dalam kalangan masyarakat Bugis dimana mereka boleh berbahasa Melayu ketika berinteraksi dengan orang lain. Pada masa kini masyarakat Bugis lebih fasih berbahasa Bugis berbanding bahasa Melayu. Ia dapat dibuktikan dengan kenyataan yang diberikan oleh responden 6 iaitu “*komunikasi kitorang dekat rumah guna bahasa biasa je kalau akak nak tahu lah. cuma kalau ettah [ayah] dengan umi duduk berdua kadang dengar jugak diorang cakap Bugis*” (Responden 6, Temubual, 10 Oktober 2021). Bahasa biasa yang dimaksudkan merupakan bahasa Melayu yang digunakan semasa berkomunikasi antara mereka. jelaskan menunjukkan kewujudan perbezaan kosa kata menyebabkan masyarakat Bugis di kampung ini lebih memilih bahasa Melayu sebagai medium untuk berkomunikasi,

4.2.2 Pertukaran Kod Bahasa

Kod bahasa (speech code) merupakan ciri-ciri identiti yang berebza daripada satu budaya. Kod bahasa terbahagi kepada verbal (secara lisan) dan nonverbal (secara bukan lisan) yang boleh digunakan semasa aktiviti komunikasi berlangsung (Utami, 2021). Grosjean (1982) mengatakan pertukaran kod bahasa adalah proses penggantian penggunaan bahasa ketika berkomunikasi dengan orang lain. Pertukaran kod merujuk kepada mereka yang menguasai penggunaan dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa (Thanushah, 2017).

Individu yang menguasai penggunaan dua bahasa yang berlainan biasanya tahu sewaktu bila dalam keadaan dan situasi bagaimana bahasa itu digunakan. Pertukaran kod berlaku secara umum dalam pertuturan seharian sebagai contoh penutur mencampurkan penggunaan dua bahasa dalam sesuatu masa. Fenomena pertukaran kod biasa kerap terjadi apabila seseorang penempatan mempunyai lebih dari satu bahasa. Ia dapat dibuktikan dengan kenyataan yang diberi oleh responden 1 *“Orang muda sekarang ni pandai bahasa lain selain bahasa Melayu ni kan tapi ya lah bahasa asing diorang pandai bahasa dulu-dulu macam Bugis ni tak lah diorang reti”* (Responden 1, Temu Bual, 29 September 2021). Dapat dilihat kebanyakan masyarakat kini telah mengalami percampuran kod bahasa dalam kehidupan seharian. Kebiasaannya percampuran kod terjadi tidak mengira peringkat umur kerana generasi masa kini merupakan generasi yang sangat berbeza dengan generasi dahulu. Golongan kanak-kanak juga telah terdedah dengan pertukaran kod bahasa yang digunakan semasa percakapan harian. Hal ini demikian menyebabkan seseorang individu tanpa sedar telah menguasai dua bahasa yang berlainan dalam satu masa. Mereka tidak mengetahui berinteraksi menggunakan dua bahasa adalah situasi dimana pertukaran kod bahasa sedang berlaku. Begitu juga dengan penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan masyarakat Bugis di kampung ini. Kebanyakan komuniti di kampung ini telah mengalami pertukaran kod tanpa mereka sedar. Gaya yang dipersembahkan semasa berinteraksi antara mereka adalah menggunakan dua bahasa dalam satu masa. *“kalau macam saya nak bergurau lah kan nak gossip-gossip sikit nampak orang tu macam “eh dia tu kan dek namasirik” haaa maksudnya “dia tu tak tahu malu”. Selalu saya la dengan kakak macam tu borak-borak”*(Responden 6, temu bual, 10 Oktober 2021). Gaya bahasa percakapan yang digunakan oleh responden 6 menunjukkan bahawa pertukaran kod bahasa Melayu dengan bahasa Bugis telah berlaku ketika berinteraksi. Hal ini menjelaskan pertukaran kod telah

berlaku dalam pelbagai peringkat umur dan tempat. Berdasarkan gaya bahasa yang digunakan oleh responden dapat dilihat sangat jelas terdapat perbezaan kosa kata dari aspek sebutan dan ejaan malah dari aspek lenggokan juga.

Apabila dilihat golongan muda ada yang merasa lucu apabila ibu atau bapa mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Bugis. Bahasa Bugis itu adalah bahasa yang lembut tetapi agak sukar untuk disebut. Lenggokan setiap perkataan yang dilontarkan hanya mereka yang tertentu sahaja yang boleh menyebutnya dengan betul dan sedap didengar. *“Contoh perkataan “nigga assata” maksudnya “siapa nama awak”. “Ta” yang membawa maksud kite menghormati seseorang. Kalau bahasa Bugis ni lembut tak semua orang boleh bawa lenggokan bunyian bahasa Bugis.”(Responden 5. Temu bual, 10 Oktober 2021)*

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa bahasa Bugis sebenarnya tidak lah kasar berbanding dengan bahasa Jawa. Akan tetapi orang Bugis dikenali dengan sifat sebagai seorang yang garang dan tegas apabila melakukan sesuatu akan dilakukan sehingga selesai. Selain itu, sifat orang Bugis adalah seorang yang pendiam sehingga orang takut untuk memijak. Sifat orang orang Bugis juga adalah pantang dipijak dan pantang menyerah. Ia dapat dibuktikan bersama beberapa responden yang menyatakan:

Orang Bugis aaaa garang tegas sebab Bugis ni kalau kite tengok cara keperibadian tu memang sifat keluarga tu tinggi itu yang abang tahu lah tapi dalam masa yang sama orang Bugis ni dalam tegas garang tapi sikap dia adalah pentingkan keluarga. Sikap orang Bugis ni kalau dia nak sesuatu dia nak dia takkan berundur.(Responden 4, Temu bual, 10 Oktober 2021)

Pernyataan yang diberikan oleh responden membuktikan bahawa adalah benar bahawa etnik Bugis dikenali dengan sifatnya yang garang, tegas pantang menyerah dan

bengis tetapi mempunyai hati yang baik dan mementingkan Hal ini kerana responden 4 merupakan orang berketurunan Bugis yang mengakui bahawa dirinya juga begitu. Pernyataan ini disokong oleh kajian lepas mengatakan bahawa kehidupan masyarakat etnik Bugis sangat mementingkan perilaku yang baik dan bercakap dengan jujur. Dalam arti kata lain, adat masyarakat etnik Bugis menitikberatkan nilai kejujuran, keteguhan, kecerdasan dan usaha serta “*siri*” iaitu harga diri (Takko, 2020).

4.3 Faktor Yang Menyumbang Kepada Penurunan Penggunaan Bahasa Bugis Dalam Masyarakat sekarang.

Bahasa Bugis salah satu bahasa minoriti di Kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor sedangkan penduduk di kampung ini kebanyakan adalah daripada etnik Bugis. Tetapi bagaimana boleh berlakunya kepupusan penggunaan bahasa Bugis di Kampung Batu Puteh Batu Pahat Johor. Bahasa merupakan salah satu unsur budaya yang peranannya sangat penting sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan maksud dan idea utama manusia serta mengekspresikan diri mereka dalam interaksi sosial dan kehidupan sosial (Handayani, 2021). Dalam pergaulan sosial ini, tidak dapat dielakkan akan wujud saling pengaruh antara bahasa yang digunakan. Bahasa yang paling banyak digunakan akan bertahan dan menyempitkan ruang untuk bahasa lain yang jarang digunakan oleh penutur (Fitra Wahyudi & Kasmawati, 2019). Jika tiada usaha untuk memelihara bahasa melalui pewarisan bahasa kepada keturunan, maka bahasa itu perlahan-lahan akan menghampiri kepupusan. Ini akan diburukkan lagi dengan tidak mempelajari bahasa tempatan di sekolah dan kurangnya perhatian kerajaan terhadap bahasa tempatan (Fitra Wahyudi & Kasmawati, 2019).

Hasil dapatan kajian yang dilakukan mendapati berlakunya beberapa faktor yang menyebabkan penggunaan bahasa Bugis di kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh kurang digunakan. Bahasa-bahasa minoriti seperti bahasa Bugis sangat penting untuk diperkenalkan dan dikekalkan. Oleh itu, pengkaji ingin menerangkan bagaimana faktor-faktor dan kesan sekiranya bahasa Bugis kurang digunakan.

4.3.1 Jarak Umur antara Masyarakat

Faktor umur ini disebabkan oleh jurang antara generasi tua dan generasi muda. Generasi muda umumnya berada dalam kategori penerimaan pasif dalam penggunaan bahasa Bugis. Pemahaman pasif-reseptif yang mereka perolehi hanyalah melalui komunikasi antara generasi yang lebih tua (Ruslan, 2019). Mereka hanya dapat memahami beberapa bahasa Bugis secara pasif, tidak dapat menggunakan bahasa Bugis secara lisan dan bertulis, malah sebahagian daripada mereka tidak memahami bahasa Bugis langsung walaupun mereka daripada masyarakat Bugis itu sendiri. Tidak ada berlaku percakapan antara golongan muda dengan golongan tua disebabkan jarak umur mereka. Pada masa kini telah menjadi menjadi norma apabila generasi kini lebih memfokuskan pergaulan antara kelompok umur mereka sahaja. Generasi muda terlebih dahulu memulakan untuk bergaul dengan golongan tua. Apabila pergaulan hanya melibatkan satu peringkat umur tidak mampu mewujudkan suatu perkembangan bahasa. Sekiranya berlaku pergaulan yang melibatkan golongan muda dengan golongan tua secara tidak langsung akan terjadi interaksi daripada pelbagai peringkat umur.

4.3.2 Perkahwinan campur

Kebanyakan masyarakat Bugis yang menetap di Kampung Batu Puteh telah mengalami perkahwinan campur. Pada masa kini mereka tidak lagi mengamalkan konsep memilih pasangan hidup sesama suku. Disebabkan telah berlaku perkahwinan campur dalam sesebuah keluarga secara tidak langsung pertembungan bahasa akan berlaku. Apabila pertembungan bahasa berlaku maka dengan itu wujud dua bahasa dalam keluarga tersebut tetapi kebiasaannya hanya satu bahasa sahaja yang menjadi bahasa harian. Perkahwinan campur dengan etnik lain ketika ini telah dianggap sebagai perkara biasa yang berlaku kerana mereka tidak lagi berpegang kepada adat hanya boleh berkahwin dengan etnik sama sahaja. Perkahwinan berbeza etnik menyebabkan bahasa kedua dalam dalam keluarga mengalami kepupusan dan menjadikan bahasa pertama dalam persekitaran keluarga. (Azis, 2020).

Kadang orang Bugis ni datang tempat kite dia dah berkahwin campur jadi bahasa tu dah kurang digunakan sebab orang Bugis tu mesti akan belajar bahasa Melayu sebab dia datang ke tanah Melayu. haa kalau Bugis bertemu Bugis baru lah dia bercakap bahasa Tu tapi bile kite jumpa etnik lain dia jadi akan guna bahasa dominan lah. (Responden 4, Temu bual, 9 Oktober 2021)

Pernyataan yang diberi oleh responden 4 menjelaskan masyarakat Bugis masa kini telah mengalami perkahwinan campur sehingga mereka sendiri lebih fasih menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda mereka sendiri. begitu juga dengan pandangan responden 5 mengatakan bahawa “*sebab perkahwinan campur pun asbab bahasa kurang digunakan*” (Responden 5, Temu Bual, 10 Oktober 2021). Keadaan persekitaran yang berlaku akibat perkahwinan campur telah menjadi faktor bahasa Bugis mengalami kepupusan. Dalam masa yang sama budaya penggunaan bahasa Bugis terutama dalam

golongan muda menjadi semakin kurang. Ibu bapa akan lebih memilih menggunakan bahasa harian ketika berkomunikasi dengan anak mereka. Tambahan persekitaran di persekolahan juga menggunakan bahasa Melayu membuatkan anak-anak lebih cenderung berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu setiap hari.

4.3.3 Peralihan Bahasa Dalam Kehidupan Masyarakat.

Selaras dengan perkembangan pelbagai bahasa di dunia menyebabkan seseorang mampu menggunakan dua atau lebih bahasa dalam kehidupan mereka. Tidak pelik sekiranya sesebuah masyarakat itu mampu menggunakan dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa. Peralihan bahasa merujuk kepada proses penggantian satu bahasa dengan bahasa yang lain dalam sesebuah masyarakat (Putri, 2018). Selain daripada peralihan bahasa dalam masyarakat di Kampung Batu Puteh perkembangan bahasa juga telah berlaku antara komuniti. perkembangan bahasa berlaku dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain dengan kemunculan pelbagai variasi sesuatu bahasa (Nasrullah, 2016). Peralihan bahasa berlaku apabila terdapat dua atau lebih bahasa dalam satu masa dalam sesebuah penempatan. Kebiasaannya peralihan bahasa terjadi kerana persaingan antara bahasa pertama dengan bahasa kedua yang digunakan dalam sesuatu pertuturan (Ibrahim, 2019). Peralihan bahasa antara satu fenomena bahasa yang sedang berlaku pada keadaan sekarang seperti bahasa Bugis akan ditinggalkan dan diganti dengan bahasa baru. Kemungkinan bahasa Bugis akan pupus dan tidak digunakan lagi. Peralihan bahasa adalah perubahan penggunaan satu bahasa kepada bahasa yang lain berlaku secara beransur-ansur dalam sesebuah komuniti disebabkan oleh beberapa perkara migrasi, institusi, kerajaan, pekerjaan dan sebagainya (Pratiwi, 2006). Ia dapat dibuktikan bersama responden 9 yang menyatakan bahawa:

Dekat anak-anak kurang lah sebab diorang pun dekat sekolah guna bahasa Melayu bahasa English. Macam anak saya yang sulung tu pun tempat belajar dia kursus bahasa tambahan yang disediakan takde bahasa Bugis tapi lebih kepada mandarin lah, arab lah, jepun lah. (Responden 9, Temu bual, 25 Oktober 2021)

Pernyataan yang dijelaskan oleh responden 9 mengatakan perubahan penggunaan bahasa terjadi sejak awal usia bermula di institusi. Hal ini kerana, bahasa yang digunakan di institusi juga menggunakan bahasa Melayu dan bahasa yang disediakan sebagai bahasa tambahan memfokuskan kepada bahasa-bahasa luar seperti bahasa Mandarin (China), bahasa Jepun dan lain-lain. Bukan sahaja di peringkat institusi pendidikan tetapi di alam pekerjaan juga dapat dilihat penggunaan bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu kerana bahasa Bugis tidak ramai yang mahir dan fasih untuk memahami. Responden 1 mengatakan “*takkk dik sebab akak kerja kan akak cakap Bugis sikit diorang tak tahu dan tak paham pun sebab tu dekat tempat kerja memang guna bahasa melayu. Kalau cakap bahasa ibunda keturunan kite susah tak semua faham dan tahu*”. (Responden 1, Temu bual, 29 September 2021). Maka dengan itu menjelaskan bahawa peralihan bahasa boleh berlaku dalam pelbagai aspek. Oleh itu, menunjukkan bahawa masyarakat di kampung ini telah mengalami peralihan bahasa dalam kehidupan mereka. Terutama golongan muda berumur yang banyak menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda masyarakat mereka iaitu bahasa Bugis.

Seterusnya keadaan demografi penduduk di kampung Batu Puteh juga menjadi sebab utama berlakunya peralihan bahasa dalam sesebuah komuniti. Pada masa kini telah banyak percampuran suku dalam sesebuah komuniti yang wujud di Malaysia ini. Begitu juga yang sedang dialami oleh komuniti di Kampung Batu Puteh dimana mereka telah bercampur dengan pelbagai suku. Di kampung ini bukan sahaja mempunyai masyarakat

Bugis tetapi ada juga masyarakat Jawa, Melayu dan Banjar tetapi bahasa pilihan sebagai bahasa harian yang digunakan oleh komuniti di kampung ini ialah bahasa Melayu kerana ia merupakan bahasa yang mudah difahami oleh semua orang dalam pelbagai peringkat umur. Hal ini dinyatakan oleh responden 2 iaitu:

Kampung ni selain orang bugis ada juga masyarakat lain macam orang Jawa orang Banjar tapi Banjar tak ramai setahu saya sikit je diorang. Orang kampung ni selain orang Bugis ada juga Melayu pun ada jugak kat sini sebab ada yang sebelum ni pindah dari luar masuk kampung ni haa biasanya orang luar dia ada beli tanah kat sini lepastu buat rumah jadi lah orang sini. (Responden 2, Temu bual, 29 September 2021).

4.3.4 Perilaku Masyarakat Terhadap Bahasa.

Perilaku atau sikap bahasa dianggap sebagai penggunaan bahasa yang digunakan oleh masyarakat terhadap bahasa. Mansor dan Ma'alip (2020) menjelaskan sikap bahasa adalah aspek yang membentuk perilaku individu berdasarkan fenomena yang akan menjadikan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi. Sikap penutur terhadap bahasa sangat berkait rapat dengan dengan jati diri yang membawa kepada perubahan bahasa ke arah negatif atau positif. (Zulkepli, 2017). Kewujudan sesuatu bahasa mampu mempengaruhi sikap masyarakat terhadap penggunaan bahasa tersebut. Hal ini kerana, bahasa antara peranan yang penting terhadap masyarakat umum iaitu digunakan bagi menyampaikan fikiran dan perasaan yang dirasakan oleh diri sendiri. Kewujudan manusia yang menutur pelbagai bahasa adalah terhasil daripada kepelbagaian etnik dan budaya yang ada. Sehubungan dengan keunikan yang ada dalam bahasa Bugis membuktikan masih ada masyarakat yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Bugis. Pemilihan dan penggunaan sesuatu bahasa oleh individu sangat mempengaruhi latar belakang sosial,

budaya dan perilaku sesuatu kumpulan manusia (Mansor & maalip, 2020). Disebabkan sikap sambil lewa oleh masyarakat di Kampung Batu Puteh terhadap budaya penggunaan bahasa Bugis telah menyebabkan bahasa Bugis semakin tenggelam. Dengan menggunakan teori akomodasi komunikasi terdapat tiga cara untuk beradaptasi ketika berkomunikasi. Setiap kali berlaku komunikasi secara tidak langsung tahap penyesuaian percakapan sedang berlaku. Dalam teori akomodasi komunikasi ada tiga iaitu konvergensi, divergensi dan akomodasi berlebihan. Dalam masyarakat di kampung ini dapat dilihat sikap golongan muda tidak berminat apabila orang-orang tua menggunakan bahasa Bugis untuk berinteraksi secara tidak langsung berlakunya tahap divergensi. Tahap divergensi terjadi apabila tidak ada yang mempedulikan semasa penutur sedang bercakap. Terutama sikap golongan muda yang tidak mengendahkan sekiranya bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Bugis mengalami kepupusan. Bagi mereka bahasa Bugis telah menjadi bahasa yang kuno dan kelihatan seperti bahasa yang telah ketinggalan zaman. Responden 11 mengatakan bahawa “...*bahasa Bugis ni tak best kak Nampak tak moden sekarang pun zaman modern dah semua kejar bahasa English bahasa Korea bahasa bahasa luar macam tu*”. (Responden 7, Temu bual, 11 Oktober 2021). Pernyataan ini telah mendapat sokongan daripada kajian lepas yang menjelaskan penutur perlu ada sikap positif terhadap bahasanya sendiri kerana sikap manusia yang akan menentukan seberapa panjang jangka hayat bahasa ibunda mereka (Zulkipli, 2021). Hal ini jelas apabila dilihat masyarakat Bugis di Kampung Batu Puteh telah mengalami peralihan bahasa tanpa mereka sedari. Pada masa kini berlaku peralihan bahasa alam sesebuah komuniti telah lama berlaku xuma mereka beranggapan ia adalah perkara biasa tidak memberi kesan apa-apa. Sekiranya peralihan bahasa terus berlaku bahasa Bugis akan mati dan tiada lagi bahasa Bugis di masa hadapan. Dapat dilihat sikap individu itu sendiri terhadap budaya penggunaan bahasa ibunda mereka antara menjadi faktor mengapa golongan muda zaman

sekarang semakin tidak mempunyai minat terhadap bahasa Ibunda mereka iaitu bahasa Bugis.

4.3.5 Perkembangan Teknologi

Kebangkitan dan kemajuan dalam perkembangan teknologi yang melanda dunia hari ini membawa kepada gelombang perubahan minda moden. Perkembangan teknologi ini memfokuskan kepada melahirkan generasi yang sememangnya bijak dalam IT terutama generasi belia. Perkembangan teknologi terutama dalam pembelajaran dengan menggunakan media berasaskan IT sememangnya terlihat sangat maju ke hadapan. Dalam masa yang sama kemajuan yang berlaku boleh menjejaskan kemahiran berbahasa pada golongan muda. Perubahan dalam aspek perkembangan teknologi memberi impak positif tetapi boleh juga menjadi kemunduran dalam penggunaan bahasa (Syamsuri. 2020). Tidak hairan apabila melihat golongan muda masa kini lebih menyukai permainan modern seperti telefon bimbit, permainan video dan lain-lain. Mereka lebih berminat dengan penggunaan teknologi sehingga disalah guna. Komunikasi antara mereka juga kurang berlaku disebabkan mereka lebih tertarik dengan kemudahan teknologi yang ada. Dapat dilihat dengan ketara generasi kini dengan dahulu sangat berbeza terutama dalam aspek berbahasa. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan kata-kata daripada responden 4

“Zaman sekarang pentingkan gadget daripada bahasa ni. Adanya gadget membuatkan orang muda sekarang kurang nak bercakap. Pergi mana-mana pun mereka dengan gadget sahaja bile jumpa orang tua tak reti nak berborak sepanjang masa dengan gadget je lah.” (Responden 4,, Temu Bual 10 Oktober 2021).

Pernyataan yang diberikan oleh responden 6 jelas membuktikan perkembangan teknologi yang berlaku sekarang ini menjadikan generasi kini semakin pasif dengan dunia

mereka. Apabila dilihat masyarakat sekarang lebih memfokuskan teknologi sehingga tidak boleh berenggang dengan IT. Ia boleh dikaitkan dengan teori akomodasi komunikasi berlakunya cara percakapan divergensi dimana tidak ada usaha daripada penutur kepada pendengar untuk cuba mewujudkan interaksi antara satu sama lain. Sebagai contoh golongan muda lebih tertarik dengan teknologi secara tidak langsung penutur hanya berinteraksi seorang diri kerana tiada usaha daripada pendengar untuk fokus. Berlakunya perkembangan teknologi memperlihatkan kepada dunia terhadap kemajuan negara sehingga tidak memandang kesan terhadap sesuatu bahasa seperti yang sedang dialami bahasa-bahasa daripada masyarakat etnik seperti bahasa Bugis yang sedang mengalami kepupusan. Dapat dilihat dengan jelas masyarakat kini tidak memandang kepupusan sesebuah bahasa merupakan masalah besar yang perlu dititikberatkan. Jelas lah bahawa, perkembangan teknologi masa kini menjadikan bahasa Bugis semakin tenggelam dan akan mati sekiranya tidak dilindungi.

4.4 Kesan Kepupusan Bahasa Bugis Kepada Masyarakat

Kewujudan sesuatu bangsa atau kaum dikaitkan dengan sesebuah bahasa. Setiap kaum yang ada semestinya mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri. Tanpa bahasa sesuatu kaum tidak akan lengkap identitinya. Bahasa juga menjadi sebagai cerminan akal budi dan pemikiran. Kewujudan bahasa dalam sesebuah penempatan bergantung kepada hidupnya manusia maka hiduplah bahasa dan matinya bahasa apabila matinya manusia (Zulkepli, 2017). Berlakunya kepupusan terhadap bahasa sangat memberi kesan kepada manusia dan bahasa itu sendiri . Kepupusan bahasa akan menyebabkan kemusnahan jati diri dalam sesebuah kelompok komuniti (zulkepli, 2017). Seperti yang telah berlaku kepada komuniti di kampung ini melihat bahasa ibunda masyarakat mereka perlahan-lahan menuju ke arah kehilangan bahasa disebabkan kewujudan penggunaan bahasa

luar seperti masa kini menjadi trend golongan muda lebih memfokuskan mahir berinteraksi dalam bahasa asing seperti bahasa korea, Jepun dan mandarin. Ia dapat dibuktikan apabila responden mengatakan hal yang sama iaitu:

bahasa Bugis ni tak diketengahkan kite asyek tengok orang luar Korea, English sebab kite bangga dengan bahasa diorang tapi dengan bahasa sendiri kite lupa. Itu je sebenarnya kite sendiri tak menghargai bahasa kite. Sebab kite disuruh tengok pandang ke Timur sebab diorang sana bahasa diorang jaga kekalkan tapi kite yang Melayu ni sebab tu Melayu mudah lupa. (Responden 2, Temu bual, 9 Oktober 2021).

Masyarakat asal etnik bugis akan merasa terpinggir kerana kerana mereka hanya bergantung dengan kriteria bahasa adalah budaya untuk terus bersaing dalam arus globalisasi .Masyarakat kehilangan bahasa ibunda mereka daripada pelbagai aspek. Kepupusan sesebuah bahasa secara tidak langsung turut membawa kepada kemusnahan budaya dan ilmu yang ada dalam masyarakat Bugis. Bahasa dalam masyarakat setempat menjadi sebagai alat pemersatuan masyarakat. Golongan muda tidak perlu mempunyai sifat malu dan tidak mempedulikan bahasa ibunda mereka. Apabila usaha ke arah pelestarian tidak dilakukan terhadap bahasa yang sedang mengalami kepupusan masyarakat itu sendiri pasti akan kehilangan pengetahuan secara khusus berkaitan budaya dan keunikan serta merasa bersalah kepada generasi masyarakat Bugis pada masa akan datang. Responden 4 ada menyatakan bahawa:

Kalau dari segi masyarakat pupuslah bahasa Bugis tu benda tu tak diperturunkan diterangkan dengan baik tak diajar kepada generasi seterusnya maka pupus lah. Kalau dari segi negara atau warisan tu sendiri rugi lah sebab tidak mempertahankan warisan bahasa Bugis tu tidak diberi ruang untuk dinaikkan. Jadi kesan dekat kita semua rugilah kita kehilangan bahasa. (Responen 4, temubual, 9 Oktober 2021).

Pernyataan yang dikata oleh responden 4 dapat dilihat masyarakat Bugis di kampung ini sebenarnya memerhati terhadap bahasa ibunda mereka yang sedang mengalami kepupusan. Oleh itu, kesan sekiranya sesebuah bahasa hilang maka hilanglah identiti di masa akan datang.

4.5 Kepentingan Pengekalan Bahasa Bugis

Pengekalan bahasa berlaku apabila dalam komuniti setempat terdapat bahasa yang diancam oleh kepupusan. Kepupusan bahasa berlaku apabila penggunaan bahasa ketika itu mengalami peralihan bahasa antara bahasa yang lain (Subiyanto, 2011). Kebiasaan pengekalan bahasa memfokuskan kepada pemeliharaan bahasa minoriti yang ada di Kampung Batu Puteh. Pemilihan bahasa yang digunakan dalam kekeluargaan amat penting dalam menentukan kelestarian sesebuah bahasa ibunda (Tuah & Shin, 2020). Penggunaan bahasa adalah satu budaya yang berlaku dalam kehidupan masyarakat seharian. Secara umumnya, suatu kebudayaan akan mengalami perubahan yang dianggap sebagai perkembangan atau kemerosotan. Bahasa menjadi lambang kepada setiap manusia kerana hanya melalui bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi penutur boleh mengetahui daripada etnik mana (Tuah & Shin, 2020). Bahasa sangat penting kepada masyarakat kerana tanpa bahasa masyarakat tidak boleh berkomunikasi dengan

masyarakat lain. Bahasa ibunda mengikut etnik masing-masing perlu dikekalkan walaupun telah wujud bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Hal ini kerana, penggunaan sesuatu bahasa adalah melambangkan identiti dan jati diri seseorang misalnya masyarakat Bugis mereka menggunakan bahasa Bugis bagi mengekalkan kebugisan mereka. Ia dapat dibuktikan apabila responden 9 mengatakan bahawa *“diorang tak tahu nak menilai. Bahasa ni macam identiti jati diri kita sebenarnya. Takde bahasa kite macam takde jati diri lah kan”*(Responen 9, Temu bual, 25 Oktober 2021). Oleh itu, sangat penting untuk memastikan sesebuah bahasa sentiasa dilindungi dan dikekalkan. Selain daripada menjadi identiti, bahasa ibunda setiap masyarakat juga antara warisan budaya yang ada di dalam Malaysia. Hal ini juga supaya akan datang masih boleh dikenali oleh generasi ketika itu berkaitan bahasa-bahasa yang wujud dalam negara mereka. Jelaslah bahawa pengekalan bahasa bukan dilakukan secara bersahaja tetapi lebih kepada masa depan bahasa tersebut.

4.6 Langkah-Langkah Dalam Menjaga Bahasa Bugis

Dalam usaha untuk melindungi sesebuah bahasa perlu dengan tujuan yang pasti dan wajar. Bahasa sangat penting untuk dijaga kerana ia merupakan khazanah warisan dan salah satu alat untuk seseorang berkomunikasi dengan orang lain. Masyarakat sebagai komuniti yang memainkan peranan yang cukup kuat dalam berkomunikasi. Komunikasi yang berkesan mampu mempengaruhi budaya yang ada kerana sesuatu budaya menjadikan bahasa sebagai identiti dalam diri individu (Syamsuri, 2020). Masyarakat di kampung melihat masalah yang dihadapi berkaitan yang telah lama ada dimana penggunaan bahasa Bugis dalam kampung mereka sepertinya suram hanya beberapa

orang sahaja yang masih berbahasa Bugis. Sedangkan itu pun hanya terdapat dalam golongan yang berusia sahaja dan tidak ramai.

4.6.1 Peranan Mengekalkan Budaya Penggunaan Bahasa Bugis

Pengekalan pada sesuatu bahasa pada masa kini perlu dipertingkatkan seiring dengan kemajuan negara. Apa yang berlaku masa kini adalah negara menuju kepada kemajuan tetapi hampir menghilangkan khazanah warisan budaya yang ada di negara ini. Bahasa Bugis antara salah satu bahasa yang hampir mengalami kepupusan kerana tidak ada pelapis yang mahu mengekalkan bahasa ini. Bahkan golongan muda sekarang seolah-olah tidak merisaukan tentang bahasa mereka sendiri yang hampir mengalami kepupusan seperti yang dilihat sedang berlaku dalam masyarakat Bugis di Kampung Batu Puteh. Golongan tua juga seakan merelakan sekiranya bahasa asal mereka tidak diperjuangkan oleh anak cucu cicit mereka.

a) Peranan Ibu Bapa

Didikan ibu bapa dimulakan pada zaman awal kanak-kanak. Usia awal kanak-kanak adalah kertas putih yang suatu hari nanti akan terukir coretan perjalanan hidup mereka daripada didikan ibubapa. Terutama bahasa yang diperoleh oleh anak-anak dalam kehidupan harian mereka. Bahasa memainkan peranan sebagai fungsi dalam proses pendidikan dan pembentukan karakter pada anak (Rohullah, 2017). Budaya penggunaan bahasa dalam diri seseorang dapat dibentuk sejak usia kecil. Peranan ibu bapa sangat penting bagi memastikan golongan masa kini masih boleh memahami bahasa ibunda etnik mereka sendiri kerana ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan mereka. Bahasa yang dipraktikkan kepada anak-anak semestinya mengandungi nilai-nilai murni yang boleh menyokong pendidikan dan sahsiah mereka terutama pengguna bahasa kerana

bahasa antara sebahagian identiti dalam diri seseorang (Rohullah, 2017) Penggunaan sesuatu bahasa adalah lambang atau ciri ciri yang terdapat dalam diri seseorang. Latihan dalam aktiviti bertutur perlu diajar sejak kecil lagi kepada kanak-kanak. Kemahiran setiap kanak-kanak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kehidupan dalam persekitaran keluarga, keturunan dan budaya (Rismatang, 2016). Kemahiran perlu dilatih kepada kanak-kanak sejak kecil agar kelak anak-anak menjadi insan yang mahir dan tangkas dalam menjalankan segala aktiviti, serta mampu menghadapi masalah hidup (Rismatang, 2016). Pernyataan ini disokong oleh responden 1 yang menyatakan “*untuk akak lah akak akan ajar anak anak akak akak belum ade anak belum kawen so {jadi} akak mungkin akan ajar juga sikit sikit tak semua tapi ayat ayat Bugis diorang tahu. Sebab budak-budak ni kene diajar dari kecil*” (Responen 1, Temu bual, 29 September 2021).

Pernyataan yang dijelaskan oleh responden 1 walaupun tidak berapa fasih dalam budaya penggunaan bahasa Bugis tetapi tetap perlu dikenalkan kepada anak-anak di masa akan datang. Anak-anak yang masa kini adalah bakal generasi akan datang yang akan menjadi pewaris bagi sesuatu budaya terutama bahasa. Begitu juga dengan responden 4 mengatakan:

..daripada diri kita sendiri kan kite nak belajar bahasa tu untuk diri kite sendiri untuk ilmulah bahasa ni kan macam ilmu kan jadi kite nak belajar bahasa tu untuk kite teruskan susur galur tu lah kan. Nak tahu tu ade tapi nak belajar lebih mendalam tu tak lah sekadar saye tahu sikit-sikit. (Responden 4, Temu bual, 29 September 2021)

Pernyataan yang diberikan responden 4 bahasa adalah sebagai satu ilmu yang perlu diteruskan kerana ia menjadi susur galur dalam sesebuah keluarga. Bahasa minoriti yang ada di malaysia ini akan mati apabila tidak ada yang mewarisi. Golongan muda

sangat memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan dan mengekalkan budaya penggunaan bahasa Bugis. Walaupun hanya mengetahui secara asas tetapi sangat memadai berbanding mereka sebagai pelapis tidak mengetahui langsung berkaitan bahasa ibunda masyarakat mereka sendiri.

b) Peranan Masyarakat

Bagi mengekalkan sesuatu bahasa yang ada dalam sesebuah komuniti peranan daripada masyarakat di kawasan tu sendiri sangat penting. Dalam kemasyarakatan ada satu peranan yang perlu diterapkan iaitu melalui interaksi dan komunikasi daripada golongan tua kepada golongan muda. Golongan tua menggunakan bahasa Bugis dengan baik semasa berinteraksi dengan mereka sehinggalah pada awalnya dianggap sangat asing tetapi lama-lama menjadi budaya dalam kehidupan mereka (Giri, 2017). Masyarakat seharusnya memiliki kesedaran terhadap warisan budaya seperti penggunaan bahasa Bugis kerana ia memberi makna yang tinggi dan sebagai simbolik menghargai bahasa ibunda mereka sendiri. Responden 3 mengatakan bahawa:

Biasa yang golongan tua lah sebab dia dah biasa tapi kalau golongan muda ni tak biasa dengan kawan-kawan pun cakap biasa macam kite tengah cakap ni kan. Golongan tua ni dia kene mula dulu jadi contoh dekat golongan muda sebab biasanya orang yang masih fasih ni orang-orang tua. (Responden 3, Temu bual, 5 Oktober 2021).

Pernyataan yang diberi oleh responden 7 menjelaskan peranan masyarakat terutama daripada golongan tua terhadap pengekalan budaya penggunaan bahasa Bugis. Hal ini kerana terdapat orang-orang tua yang masih fasih menggunakan bahasa Bugis seperti atuk atau nenek. Mereka merupakan golongan yang masih lagi berkebolehan berbahasa Bugis

dan perlu di pupuk kepada generasi muda. Jelaslah bahawa peranan masyarakat sangat penting bagi mengekalkan penggunaan bahasa Bugis dalam kalangan masyarakat kini khususnya golongan muda yang ada di dalam Kampung Batu Puteh.

4.6.2 Kesedaran Masyarakat Etnik Bugis

Budaya berbahasa dengan menggunakan bahasa yang sedang mengalami kepupusan perlu diketengahkan. Sekiranya dibiarkan tanpa sebarang tindakan tidak mustahil generasi akan datang terus melupakan bahasa Bugis. Apabila melihat terhadap pandangan yang diberi oleh responden-responden mereka sedar perkara yang sedang dialami oleh bahasa Ibunda mereka. Ia dapat dibuktikan bersama beberapa responden yang menyatakan:

Pada saya perlu dikekalkan selagi masih ada lagi orang-orang lama mungkin pada diorang kan diorang tak boleh berbahasa Melayu macam sekarang. Diorang dah selesa bahasa orang dulu jadi tak salah kalau kite nak kekalkan bahasa tu. Sebab tiada benda tu tiada la sekarang kite pun tahu sebelum wujud bahasa Melayu semua ni wujud dulu bahasa bahasa Bugis ni.” (Responden 5, Temu Bual, 10 Oktober 2021)

Pernyataan diatas menunjukkan bahawa walaupun mereka kurang berpengetahuan tetapi bagi mereka masih relevan untuk mengekalkan bahasa Bugis kerana boleh dipersembahkan kepada anak-anak mereka. Hal ini menerangkan bahawa betapa pentingnya tanggungjawab setiap komuniti kepada menjaga penggunaan bahasa Bugis pada masa kini. Terdapat responden lain juga memberi pendapat yang sama bahawa sangat wajar untuk mengekalkan penggunaan bahasa Bugis untuk generasi akan datang. Ia dapat dibuktikan bersama responden lain yang menyatakan:

Buat kempen bahasa selagi ada kempen bahasa Bugis berpotensi menaik tarafkan penggunaan bahasa Bugis tu Cuma mungkin sekarang orang dah fokuskan bahasa Melayu dan Inggeris. Bahasa Bugis sebagai side bahasa yang boleh dimahirkan dipelajari jangan sampai dilupakan. Dalam yang sama baik pulih sistem pemuziuman berkaitan Bugis.” (Responden 3, Temu bual, 5 Oktober 2021)

Pernyataan diatas mengukuhkan lagi pendapat bahawa bahasa Bugis perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Selain itu, kemudahan muzium yang sedia ada juga boleh dibaik pulih bagi menarik kedatangan pelancong. Oleh itu, adalah masih relevan bahasa Bugis dikekalkan sehingga kini.

4.6.3 Memartabatkan Penggunaan Bahasa Bugis.

Banyak kelebihan yang akan diperolehi sekiranya penggunaan bahasa Bugis dikekalkan. Dapat dilihat betapa tinggi nilai sesebuah bahasa dan sangat rugi apabila bahasa yang sedia ada tidak dijaga. Bahasa juga melambangkan identiti diri seseorang dimana dengan mengenali bahasa yang dilontarkan maka boleh mengenali dia berasal daripada etnik mana. Justeru itu, dalam jangka panjang masyarakat akan merasa kehilangan salah satu warisan yang sedia ada di negara ini. Secara tidak langsung Malaysia sama seperti tidak ada nilai khazanah yang menjadi tarikan untuk para pelancong dari negara luar. Dari aspek generasi pula anak-anak akan kenal susur galur keluarga mereka sendiri. Ia dapat mengeratkan hubungan antara kekeluargaan antara keluarga dan saudara mara. Ia dapat dibuktikan bersama beberapa responden yang menyatakan “*kalau Zati ada anak zati akan perkenalkan sebab tu dah memang keturunan kite kan nak lah biar anak anak di masa akan datang sedar diri keturunan tu keturunan mana.*” (Responden 3, Temu bual, 5 Oktober 2021)

Pernyataan diatas menjelaskan tentang kelebihan yang diperolehi apabila penggunaan bahasa Bugis dikekalkan. Ia memberi kesan positif kepada generasi muda. Hal ini kerana diusia muda mereka sudah dikenali tentang bahasa-bahasa etnik yang boleh menjadi bahasa sampingan atau bahasa tambahan kepada diri mereka. Sekaligus mampu melahirkan generasi yang menghargai setiap peninggalan termasuk bahasa daripada orang-orang terdahulu kerana bukan senang untuk mewujudkan sesuatu bahasa. Apabila telah sedia ada hanya perlu di amalkan setiap peringkat umur.

4.7 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan berkaitan analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif terdiri daripada kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian kepustakaan dan analisis data berdasarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu menganalisis perbezaan kosa kata bahasa etnik Bugis dengan bahasa harian komuniti yang digunakan oleh komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor, menerangkan faktor yang menyebabkan bahasa etnik Bugis kurang digunakan dalam kalangan masyarakat masa kini dan menganalisis langkah-langkah untuk mengekalkan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Dapatan kajian yang diperolehi telah dihuraikan secara terperinci dalam bab ini berdasarkan kaedah yang telah digunakan bagi mengumpul data berkaitan tajuk kajian. Dengan menggunakan kaedah kajian secara pemerhatian lokasi kajian dan menemu bual bersama masyarakat Bugis di kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. perbincangan dan analisis yang telah dihuraikan dalam bab ini telah memberi penjelasan secara mendalam dan terperinci berkaitan tajuk dan objektif kajian.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini telah membincangkan berkaitan rumusan keseluruhan yang didapati hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan dengan memfokuskan kepada pencapaian objektif keseluruhan. Pada bab ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu perbincangan, cadangan dan rumusan.

5.1 Perbincangan

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kepupusan budaya berbahasa etnik Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu pahat, Johor. Kajian ini mengandungi lima bab iaitu bab satu meliputi pengenalan kajian yang dilakukan, bab dua berkaitan kajian literatur dan kerangka teori manakala bab tiga adalah metodologi kajian, bab empat ialah dapatan kajian dan bagi bab lima meliputi perbincangan dan rumusan kajian.

Bab satu dalam kajian ini menerangkan tentang keseluruhan pengenalan kajian yang dilakukan. Pada bahagian ini merangkumi latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan struktur projek penyelidikan. Melalui kajian ini ia bertujuan untuk meneroka tiga objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti perbezaan leksikon antara bahasa Bugis dan bahasa pertuturan harian yang digunakan oleh masyarakat, meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan penggunaan bahasa Bugis dalam masyarakat sekarang dan menganalisis langkah-langkah dalam menjaga bahasa Bugis. Permasalahan kajian

dalam kajian ini adalah gaya hidup masyarakat kini lebih memilih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk berkomunikasi, pemodenan masa kini menyebabkan bahasa minoriti tidak dipedulikan dan masyarakat Bugis mula mengabaikan bahasa ibunda mereka sendiri.

Bab dua membincangkan mengenai kajian literatur dan kerangka teori yang digunakan. Dalam bab ini menerangkan berkaitan sejarah kedatangan etnik Bugis ke Tanah Melayu, penghijrahan etnik Bugis ke negeri Johor, Penempatan masyarakat Bugis, faktor-faktor penghijrahan masyarakat etnik Bugis, aktiviti sosial di dalam masyarakat etnik Bugis seperti perkahwinan, agama dan moral. Seterusnya membincangkan tentang ekonomi di dalam masyarakat etnik Bugis, definisi warisan budaya, definisi warisan budaya ketara, definisi warisan budaya tidak ketara, penggunaan bahasa di Malaysia seperti konsep dan fungsi bahasa, konsep bahasa Bugis, sistem tulisan dan bahasa yang digunakan masyarakat etnik Bugis. Di dalam bab ini membincangkan juga berkaitan teori akomodasi komunikasi dalam budaya berbahasa Bugis di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor.

Bab tiga menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat data berkaitan dengan tajuk kajian kepupusan budaya berbahasa Bugis di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data kualitatif digunakan bagi mendapatkan data iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang digunakan adalah melalui jenis pemerhatian tidak berstruktur dan kaedah temu bual berstruktur. Bagi sumber sekunder yang kedua digunakan dalam kajian untuk mengumpul maklumat melalui sumber buku, artikel dan jurnal yang diperolehi daripada sumber internet.

Bab empat membincangkan tentang dapatan kajian dan kaedah analisis yang telah diperolehi daripada menemu bual responden yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian. Maklumat yang telah dikumpul kemudian telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Seramai 10 orang responden yang terdiri daripada golongan tua dan golongan muda telah ditemu bual. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa wujud beberapa faktor yang menyebabkan bahasa etnik Bugis di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor telah mengalami kepupusan.

5.2 Penemuan Utama

Penemuan utama yang menjawab kajian ini adalah untuk mengkaji faktor kepupusan budaya berbahasa Bugis dalam kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor. Budaya bahasa dalam sesebuah komuniti adalah sangat penting bagi mengekalkan jati diri seseorang. Di arus pemodenan masa kini, dapat dilihat bahasa-bahasa lama sedang mengalami kepupusan. Generasi kini juga semakin tidak berminat untuk menggunakan bahasa ibunda masyarakat mereka. Generasi kini lebih menuju kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berinteraksi antara satu sama lain. Bahkan melihat kepada ibu bapa sekarang juga tidak mahu mengamalkan penggunaan bahasa ibunda mereka. Ada sesetengah ibu bapa membiasakan anak-anak dengan menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa ibunda mereka ketika berkomunikasi seharian terutama di rumah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa masyarakat di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat Johor telah mengalami beberapa faktor yang dinyatakan pada bab empat. Komuniti Bugis di kampung ini telah berlakunya perkahwinan campur dalam masyarakat etnik Bugis, peralihan bahasa yang berlaku

ketika ini, perilaku atau sikap masyarakat terhadap bahasa dan arus perkembangan globalisasi. Budaya bahasa dalam sesebuah komuniti adalah sangat penting bagi mengekalkan jati diri seseorang. Apabila dalam kelompok etnik tersebut telah kehilangan bahasa maka dengan itu mereka juga dalam proses kehilangan jati diri. Sebagai masyarakat daripada etnik lama semestinya bangga dengan jati diri dan identiti diri sendiri. Faktor-faktor yang berlaku menyebabkan kepupusan bahasa Bugis bahasa Bugis di kampung ini semakin berkurangan. Golongan muda terus berseronok dengan bahasa moden mereka manakala golongan tua hanya mengikuti dan menelan sahaja perubahan yang sedang berlaku.

Hasil kajian yang dijumpai, terdapat kesan yang berlaku apabila bahasa tersebut tidak dipertahankan daripada hilang terutama kepada masa depan bahasa itu sendiri dengan generasi akan datang. Bagi kesan terhadap bahasa tidak ada lagi penggunaan bahasa Bugis sekiranya tiada langkah pemeliharaan dilakukan. Masyarakat Bugis akan mati begitu sahaja kerana mula tidak dikenali kewujudannya. Kesan kepada masyarakat terutama golongan muda tidak ada pelapis atau pewaris di masa akan datang.

5.3 Cadangan

Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai banyak bahasa terutama kepelbagaian bahasa ibunda mengikut etnik. Kewujudan bahasa daripada kepelbagaian etnik menyebabkan Malaysia menjadi negara yang kaya dengan warisan dan budaya. Hal ini kerana, bahasa merupakan warisan yang perlu dikekalkan dan dilindungi untuk menjaga khazanah dan aset negara. Apabila melihat bahasa sedang mengalami kepupusan masyarakat perlu mengambil inisiatif untuk mengekalkan bahasa tersebut. Pada masa kini, sesebuah bahasa mengalami kepupusan bukan satu isu yang baharu tetapi antara

situasi yang perlu diambil tindakan dengan segera. Hal ini kerana, bahasa merupakan budaya yang perlu dipertahankan keberadaannya sehingga kini. Bahasa melambangkan jati diri bagi setiap individu yang perlu dikekalkan agar dapat diturunkan kepada generasi akan datang.

Penggunaan bahasa yang digunakan setiap hari bukan sahaja sebagai lambang jati diri tetapi ia membawa identiti diri seseorang. Hal ini kerana hanya dengan penggunaan bahasa semasa berkomunikasi boleh diketahui pembicara berasal daripada etnik apa. Cadangan yang boleh dilakukan ialah menggalakkan pelajar institusi supaya memperbanyakkan kajian penyelidikan berkaitan bahasa etnik yang ada di Malaysia terutama bahasa etnik Bugis. Penyelidik akan datang boleh melanjutkan kajian tentang penggunaan bahasa Bugis dijalankan lebih meluas kerana kajian berkaitan bahasa Bugis di Malaysia masih sedikit.


Inisiatif lain yang boleh dilakukan adalah menggalakkan penggunaan bahasa Bugis dalam sesebuah kelompok terutama di rumah atau dalam kelompok setempat. Galakkan penggunaan bahasa etnik kepada masyarakat lain adalah sebagai langkah memelihara bahasa tersebut. Ibu bapa memberi pendedahan kepada anak-anak pentingnya sesebuah bahasa ini dikekalkan dan dijaga. Ibu bapa menjadikan penggunaan bahasa sebagai amalan di dalam keluarga secara tidak langsung lahir generasi yang mempunyai penggunaan dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa.

Kajian projek penyelidikan yang dijalankan secara terperinci dapat menghasilkan satu kajian yang berfokus. Kajian ini telah berjaya menjawab kepada setiap persoalan objektif kajian yang ditetapkan. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengkaji faktor menyebabkan budaya berbahasa Bugis di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor mengalami kepupusan. Dalam penulisan ilmiah ini juga membincangkan tentang


cadangan mengekalkan budaya berbahasa Bugis dalam kalangan masyarakat di kampung ini. secara keseluruhannya, kepupusan sesebuah bahasa bukan satu masalah yang perlu dipandang remeh kerana bahasa membawa kepada lambang dan jati diri seseorang.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW

GLOSARI DALAM ISTILAH BAHASA BUGIS

<i>Makkunrai</i>	Perempuan
<i>Oroane</i>	lelaki
<i>calalai</i>	Perempuan berperwatakan lelaki
<i>calabai</i>	Lelaki berperwatakan perempuan
<i>bissu</i>	Mempunyai dua jantina dalam badan (Khunsa)
<i>Cappa lila</i>	Ujung lidah atau kemampuan dalam melakukan diplomasi (hubungan antara dua negara)
<i>Cappa lasso</i>	Ujung kemaluan. Wujud keserasian dengan penduduk asal melalui perkahwinan campur.
<i>Kawali</i>	Ujung Badik apabila keserasian tidak dapat diwujudkan akan melakukan peperangan .
<i>La Galigo</i>	Karya agung dalam bentuk sastera Bugis
<i>Wakka tana walinonoe</i>	Perahu yang digunakan semasa mengelilingi lautan
<i>Ma'sompe</i>	Istilah nama yang digunakan kepada kapal yang dinaiki untuk berlayar
<i>Siri</i>	Nilai harga diri, martabat bagi mereka Orang lelaki

<i>Siri masiri</i>	Kesalahan
<i>Ade</i>	Adat istiadat
<i>Lempu</i>	kejujuran
<i>Bali</i>	Pasangan tetapi boleh membawa juga maksud kepada lawan atau musuh.
<i>"Arungge Matinroe ri bulue</i>	Raja tidur di gunung atau raja telah meninggal. Perkataan “mati” ditukar kepada “tidur”.
<i>Sure Baweng / Kalinda Da</i>	Tajuk syair oleh etnik Bugis
<i>SureLa Galigo</i>	Karya satera dalam bahasa Bugis
<i>Wakka Tana Walindo</i>	Nama perahu yang digunakan untuk berlayar
<i>Communication Accoodation</i>	Akomodasi Komunikasi
<i>Aga keraba</i>	Apa Khabar
<i>Kareba Madeceng</i>	Khabar Baik
<i>Mage</i>	Mengapa
<i>Seddi</i>	Satu
<i>Duwa</i>	Dua
<i>Tellu</i>	Tiga
<i>Eppa</i>	Empat
<i>Lima</i>	Lima
<i>Enneng</i>	Enam
<i>Pitu</i>	Tujuh
<i>Aruwa</i>	Lapan
<i>Asera</i>	Sembilan

Seppulo

Igga Asetta

Etta/Tetta

Mabelle

Tudang

Aga Iyaro

Huranik Mandere

Huranik Yek

Marengkalinga

Dek Namasirik

Sepuluh

Siapa Nama

Ayah

Berbohong

Duduk

Apa Itu

Awak Dah Makan

Sudah Makan

Mendengar

Dia Tak Tahu Malu



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

ETKW

RUJUKAN

- Ahmad, S. (2012). Strategi Kesopanan Berbahasa Masyarakat Bugis Pinrang Provinsi Sulawesi Selatan. *Bahasa dan Seni*, 2.
- Andi Adijah, M. K. (2017). Reconstruction of Ethnic Identity among Bugis Community in Pontian. *Journal of Management Info (JMI)*, 7.
- Anshari, A. (2020). Bentuk, Fungsi dan Nilai Ungkapan Bugis Masyarakat Bone. *Edumaspul*, 290.
- Azis, D. A., Mahyuni, Syahdan, & Yusra, K. (2019). Faktor Faktor Penyebab Kepunahan Bahasa Daerah Di tanah Rantau. *Jurnal Sosial ekonomi Dan Humaniora*, 2.
- Bachri, B. (2010). Menyakinkan Validitas data Melalui Triangulasi Pada Penelitian Kualitatif. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 10.
- Bandung, A. T. (2020). Budaya Bugis dan Persebarannya dalam Perspektif Antropologi Budaya. *Jurnal Ilmu-Ilmu Budaya*, 28-34.
- Virginia Braun & Victoria Clarke (2006) Using thematic analysis in psychology, *Qualitative Research in Psychology*, 3:2, 77-101
- Devianty, R. (2017). Bahasa Sebagai Cermin Kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, 227-228.
- Din, M. A. (2011). Asal usul Orang Melayu. *Jurnal Melayu*, 3.
- Fitra Wahyudi, & Kasmawati. (2019). Proyeksi Kepunahan Bahasa Daerah di Kabupaten Maros. *Jurnal Idiomatik*, 76.
- Gau, S. (2016). Ringkasan Disertasi: Penggunaan Bahasa Dalam Komunitas Perantau Bugis Di Papua. *Masyarakat Indonesia*, 38(1), 161-193.

- Grosjean, F. (2001). *Life With Two Languages*. United State of America: Library of Congress Catalogue.
- Gunawan, F. (2013). Implikasi Penggunaan Bahasa Gaul Terhadap Pemakaian Bahasa Indonesia di Kalangan Siswa Sman 62-63 Kendari. *Al-Izzah*.
- Harun, M. h. (2013). Diaspora Bugis di Sumatra Menelusuri Seni dan Budaya Bugis di Provinsi Jambi. 2-14.
- Isnendes, R. (2020). Nama Sebagai Sebuah Kesadaran Identitas Manusia Sunda. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Dan Budaya Daerah Serta Pengajarannya*, 201.
- Jaafar, S. R. (2021). Adat dan Amalan Masyarakat Bugis di Pontian, Johor dalam Aktiviti Perikanan. *Dunia Perniagaan* , 2-4.
- Jalaluddin, N. H. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. 154-156.
- Jamllie, Z. (2017). *Diaspora dan Ketahanan Budaya Orang Bugis di Pagatan Tanah Bumbu*. Kalimantan: Kepel Press.
- King, V. T. (1996). *The Bugis*. United Stage America: Blackwell Publishers Ltd.
- Lampe, M. (2015). Pinggawa-Sawi Nelayan Bugis- Makassar dalam Analisis Realasi Internal dan Eksternal. *Masyarakat & Budaya*, 77-78.
- Liamputtong, P. (2009). Qualitative Data Analysis: Conceptual and Practical Considerations. *Health Promotion Journal of Australia*, 135.
- Mansor, A. A., & Ma'alip, S. (2020). Sikap Bahasa terhadap bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2.
- Malaysia. 2005. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara

- Mis, M. A., & Sualim, W. A. (2020). Penukaran Kod Bahasa Kolokial Dusun Daerah Ranau. *Jurnal Linguistik*, 70.
- Nordin Hussin. (2008). Pedagang Bugis dan Kuasa Eropah di Selat Melaka. 201.
- Nurohim, S. (2018). Identitas dan Peran Gender pada masyarakat Suku Bugis. 459-461.
- Pratiwi, D. (2006). Pergeseran Bahasa sebagai Dampak Sikap Bahasa. 86.
- Rismatang, S. (2016). Peningkatan Keterampilan Berbicara Bahasa Bugis Melalui Metode Kooperatif Tipe Jigsaw Pada Siswa Kelas Vii B Smp Negeri A. *Bahasa Dan Sastra Daerah* , 15.
- Robihim. (2008). Analisis Metode Belajar Kosa Kata. *Jurnal Lingua Culture*, 189.
- Room, R. (2013). Konsep Kesantunan berbahasa dalam Islam. *Jurnal Adabiyah*, 223.
- Rusdi, M. (2011). Penghijrahan Masyarakat Bugis ke alam Melayu. *Khazanah Melayu* 2-12.
- Saepudin. (2020). Pengaruh Orang Bugis Di Tanah Melayu dalam Perspektif Sejarah Sosial Politik. *Jurnal Sejarah dan Kebudayaan*, 3-14.
- Said, H. (2019). Akomodasi Komunikasi Bahasa Bugis Konjo dalam Berinteraksi dengan Masyarakat Pendetang di Kecamatan Sonjai Barat Kabupaten Sinjai. *Program Pascasarjana* 18-22.
- Salim, A. (2018). Pendidikan Karakter dalam masyarakat Bugis. *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, 43-44.
- Sudirman, N. (2016). Pantun Melayu sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu . *Jurnal Melayu*, 146.
- Sukandar, R. S. (2006). Analisis Data Sutanto Priyo Hastono. *Academia*, 2.

- Syamsuri, A. S. (2020). Pengaruh Pembelajaran Aksara Lontarak Terhadap Kesiapan Menulis Permulaan pada Anak Didik DI Taman Kanak-Kanak Teratai UNM Kota Makassar. In A. Adam, *Pelestarian Dan Pemertahanan Bahasa Sastra Bugis* (p. 19). Makassar: Nas Media Pustaka
- Syarif, E. (2016). Integrasi nilai budaya etnis Bugis Makassar dalam proses pembelajaran sebagai salah satu strategi menghadapi era masyarakat ekonomi Asean. *Jurnal Teori dan Praktis Pembelajaran*, 15.
- Tamrin, K. M. (2009). Sejarah Kedatangan masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor. *Jebat* 36, 43.
- Utami, S. (2021). Proses Penyesuaian Kod Bahasa Dalam Komunikasi Antarbudaya. 16
- Yaacob, N. h. (2018). Tradisi “Merantau” Masyarakat Melayu Berdasarkan Puisi Tradisional . *Jurnal Perspektif*, 126.
- Yusof, M. (2012). Bahasa Bugis dan Penulisan Tafsir di Sulawesi Selatan. *Jurnal Al-Ulum*, 78-79.
- Yusof, S. F. (2019). Antara Tradisi dan Pembangunan dalam Konteks Perubahan Sosiobudaya Komuniti Muara. 31.
- Zid, M. (2009). Sejarah Perkembangan Desa Bugis di Makassar Sulawesi Selatan. *Sejarah Lontar*.